KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2021

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

# 2021

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA




**Bacalah!**
Dengan nama
Tuhanmu yang
menciptakan.

*Surah Al-'Alaq. Ayat 1*

# KANDUNGAN


4
**PERUTUSAN KETUA PENGARAH**

7
**MAKLUMAT KORPORAT**

8 Visi, Misi dan Objektif
9 Lembaga Penasihat PNM
10 Carta Organisasi
12 Pengurusan Tertinggi PNM

15
**PENCAPAIAN UTAMA DAN PERISTIWA PENTING**

27
**PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

61
**PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN**

81
**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

117
**SISTEM PENGURUSAN KUALITI**

121
**PUSPANITA**

125
**KELAB PNM**

131
**PENERBITAN PNM**

135
**KERATAN AKHBAR**

# PERUTUSAN **KETUA PENGARAH**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Buku Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) tahun 2021 ini berjaya diterbitkan.

Meskipun negara kita masih lagi dilanda pandemik COVID-19 dan terikat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PNM terus mengorak langkah dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti secara fizikal dan dalam talian bersesuaian dengan norma baharu yang berkuat kuasa. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan memperkasakan galakan membaca pada tahun 2021, PNM telah berjaya melaksanakan lebih 80 program galakan membaca yang terdiri daripada 16 program utama dan 64 program sederhana dengan melibatkan penyertaan sebanyak 33,662 orang. Antara program yang berjaya dianjurkan berkaitan dengan galakan membaca ialah Penyemarakan Bahasa dan Bidang Kepustakawanan seperti Program Semarak Iqra', Literasi Media dan Maklumat Mega dan Program Negara Membaca.

Selaras dengan hasrat kerajaan bagi melestarikan budaya membaca dalam kalangan Keluarga Malaysia, PNM telah berjaya menganjurkan Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca bermula 21 Oktober sehingga 30 November 2021 dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan disokong oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) serta Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA). Program ini melibatkan 167 buah kedai buku fizikal dan sebuah kedai buku dalam talian dengan peruntukan sebanyak RM885,000 dalam bentuk baucar buku untuk ditebus. Cetusan idea ini merupakan aspirasi dan komitmen kerajaan bagi menyemarakan industri buku serta membugarkan amalan dan budaya membaca rakyat Malaysia.

Lebih mengujakan pada tahun 2021, perisytiharan objek-objek warisan milik Perpustakaan Negara Malaysia telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Seksyen 67(1) Akta 645 yang bertarikh 5 November 2021 dengan No. Warta [P.U.(A) 414]. Objek- objek tersebut adalah lima naskhah manuskrip Melayu iaitu Hikayat Kelana Jayeng Seteru (MSS 29), Cerita Panji (MSS 94), Hikayat Misa Prabu Jaya (MSS 31), Hikayat Cekel Waneng Pati (MSS 32) dan Hikayat Misa Jelujuk Sira Panji (MSS 2140). Perisytiharaan ini memberi signifikasi yang cukup besar terhadap upaya PNM melestarikan khazanah intelek negara.




Seiring dengan era digitalisasi pada masa kini, PNM turut mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah pada 30 November 2021. Pameran ini menonjolkan koleksi manuskrip khususnya berkaitan petua membina rumah Melayu serta lain-lain manuskrip yang berkaitan menerusi penggunaan teknologi VR dan AR yang dibangunkan berasaskan web. Pameran ini merupakan satu usaha terkehadapan bagi menyokong keperluan siber rakyat Malaysia khususnya Generasi Z supaya mereka lebih celik budaya dengan mengenali, memahami dan menghayati aspirasi seni dan warisan budaya tradisional Melayu.

PNM berusaha untuk terus memperkukuhkan hubungan sinergi dengan negara serantau dan antarabangsa melalui program kerjasama yang dijalankan secara dalam talian seperti *International Storytelling Festival Malaysia* (ISFM) 2021. Program ini mengetengahkan 12 pencerita terkenal dari 11 negara antaranya pencerita dari United Kingdom, Thailand, Korea Selatan, Turki, Amerika Syarikat, Iran, India, Australia, Indonesia dan Jepun bagi tujuan pertukaran pengalaman, pengetahuan kepelbagaian teknik serta persembahan bercerita kepada masyarakat Malaysia dan luar negara.

Pencapaian 2021 merupakan manifestasi kejayaan PNM dalam mengadaptasi dan merevolusikan perkhidmatan perpustakaan seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Akhir kata, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan PNM 2021.

**SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**
*Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia*

# MAKLUMAT KORPORAT

# VISI

"Pemacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat negara bertaraf dunia"

# MISI

"Memperkasa perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berkualiti serta memelihara khazanah intelek negara bagi membentuk masyarakat berilmu"

# OBJEKTIF

Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;

---

Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan

---

Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan



# LEMBAGA **PENASIHAT**
## Perpustakaan Negara Malaysia



Pengerusi

**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo**



Ahli

**YBrs. Encik Kamarul Bahrin bin Haron**



Ahli

**YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus**



Ahli

**YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latif bin Abu Bakar**



Ahli

**YBrs. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria**



Ahli

**YBhg. Dato' Prof Emer. Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid**



Ahli

**YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mohd Idrus**



Ahli

**YBrs. Prof. Dr. Juhana binti Salim**



Ex-Officio

**YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat**



Ex-Officio

**YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab**

# CARTA **ORGANISASI**



Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**



Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

**YB DATUK SERI DR. SANTHARA J.P**



Ketua Pengarah

**SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**

## PENGURUSAN



Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR**



Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**NORHAYATI BINTI MANAN**



Ketua Unit Integriti

**AZIZAN BIN WAHAB**

## PEMBANGUNAN



Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat

**EDY IRWAN BIN ZULKAFLI**



Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa

**WAN ROZAINI BIN WAN IBRAHIM**

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa

**KOSONG**



Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

**SITI FATIMAH BINTI WAHAB**

Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan

**KOSONG**



Pengarah Pembangunan Koleksi

**ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID**



Timbalan Pengarah Kanan Pusat Bibliografi Negara

**RAZMAN BIN ABD RANI**



Timbalan Pengarah Kanan Pusat Penyerahan Terbitan Negara

**WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD SALLEH**



Timbalan Pengarah Bahagian Pembinaan Koleksi

**RAMZY BIN MD TAHA**

Timbalan Pengarah Bahagian Pemuliharaan

**KOSONG**



Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

**YBHG. DATUK WIRA DR. NOOR ZARI BIN HAMAT**



Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

**YBRS. CIK SARAYA BINTI ARBI**



Timbalan Ketua Pengarah

**FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF**



Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan

**A. AZLI BIN ABD RAHIM**



Pengarah Perkhidmatan Korporat

**SUHAILA BINTI ABD RAHMAN**



Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

**ASMAH BINTI MOHD WAZIR**



Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

**CHARLES BIN BRILEE**

Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat

**KOSONG**

Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

**KOSONG**

PERKHIDMATAN



Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

**FAIZAL HILMIE BIN YUSOF**



Timbalan Pengarah Kanan Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

**NORAINI BINTI SAIDIN**



Timbalan Pengarah Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

**NORLIZA BINTI MOHD NORDIN**



Timbalan Pengarah Kanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

**FATIMAH BINTI ABDUL HAI**



Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Elektronik

**ZAHUDDIN BIN SIDEK@SALLEH**



Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti

**ALI BIN RASHID**



Timbalan Pengarah Bahagian Pinjaman

**HASLINDA BINTI KASIM**



Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

**AZIZI BIN JANAN**



Pengarah Perpustakaan Digital Negara

**AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI**



Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

**KASUMA DEWI BINTI SAID**



Timbalan Pengarah Bahagian Kandungan Digital

**HASNITA BINTI ZAKARIA**

Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Projek Digital

**KOSONG**

# PENGURUSAN **TERTINGGI PNM**




Ketua Pengarah
**SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**



Timbalan Ketua Pengarah
**FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF**



Pengarah Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
**SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR**




Pengarah Perkhidmatan Korporat
**SUHAILA BINTI ABD RAHMAN**



Pengarah Perpustakaan Digital Negara
**AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI**



Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

## ASMAH BINTI MOHD WAZIR



Pengarah Pembangunan Koleksi

## ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID



Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

## FAIZAL HILMIE BIN YUSOF



Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat

## EDY IRWAN BIN ZULKAFLI



Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti

## ALI BIN RASHID



Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan

## A. AZLI BIN ABD RAHIM

# PENCAPAIAN UTAMA

*dan Peristiwa Penting*

# PENCAPAIAN **PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2021**

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa meningkatkan produktiviti perkhidmatan kepada pengguna dan rakyat agar seiring dengan perkembangan semasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan perkhidmatan perpustakaan di negara-negara maju. Malaysia malahan seluruh dunia kini sedang dilanda wabak penyakit COVID-19 yang mengancam nyawa namun PNM akan terus menyalurkan perkhidmatan dan kemudahan teknologi bagi keperluan pengguna selari dengan visi, misi dan objektif Jabatan.




Sijil *Memory of the World International Register* daripada UNESCO




Poster Perisytiharaan Objek-objek Milik PNM

## CERITA PANJI MELAYU: WARISAN KEBANGSAAN DAN DUNIA

Pada bulan Mac 2016, PNM telah mengadakan mesyuarat bersama tiga orang wakil kerajaan Indonesia iaitu Prof. Ing. Dr. Wardiman Djojonegaro (Mantan Menteri Pendidikan Indonesia), Dra. Woro Titi Haryanti (Deputi Bidang Pengembangan Sumber Daya Perpustakaan) dan Ibu Sri Sumekar (Ketua Pemuliharaan, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia) bagi mencalonkan Koleksi Manuskrip Melayu Cerita Panji untuk *UNESCO's Memory of the World Register*.

Pencalonan Cerita Panji ini turut disertai oleh empat buah negara yang lain iaitu Indonesia, Kemboja, Belanda dan United Kingdom. PNM telah menyenarai pendek koleksi Cerita Panji Melayu daripada sembilan naskhah kepada lima buah naskhah yang menepati maksud dan kandungan Cerita Panji Melayu dengan bantuan pakar Cerita Panji Melayu iaitu Allahyarham Dr. Harun bin Mat Piah dan YBrs. Dr. Noriah binti Mohamed.



MSS 94 -
Cerita Panji



MSS 2140 -
Hikayat Misa
Jejuluk Sira Panji

Manuskrip Cerita Panji yang dipilih ialah MSS 29 - Hikayat Kelana Jayeng Seteru, MSS 31- Hikayat Misa Prabu Jaya, MSS 32 - Hikayat Cekel Waneng Pati, MSS 94 - Cerita Panji dan MSS 2140 - Hikayat Misa Jejuluk Sira Panji.

Secara rasminya, PNM telah menerima Sijil *Memory of the World International Register* daripada UNESCO pada 30 Oktober 2017. Seterusnya pada 5 November 2021, di bawah Seksyen 67(1), Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], lima naskhah tersebut diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan [P.U.(A) 414].



MSS 29 - Hikayat Kelana Jayeng Seteru



MSS 32 - Hikayat Cekel Waneng Pati



MSS 31- Hikayat Misa Prabu Jaya







YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri dan Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab semasa Majlis Pelancaran Baucar Buku



# PROGRAM PENEBUSAN BAUCAR BUKU SEMARAK MEMBACA

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui PNM dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan disokong oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) serta Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA) telah berjaya melaksanakan Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca bermula pada 21 Oktober hingga 30 November 2021 dengan peruntukan sebanyak RM889,500.00 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## Objektif Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca

Majlis Penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca kepada Presiden MABOPA yang mewakili industri perbukuan negara telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri pada 28 Oktober 2021 bertempat di Aras 10, Menara PNM. Majlis turut dihadiri oleh pihak pengurusan MOTAC dan wakil-wakil industri buku.




Poster promosi ISFM 2021

# *INTERNATIONAL STORYTELLING FESTIVAL MALAYSIA (ISFM) 2021*

FESTIVAL CERITA ANTARABANGSA MALAYSIA (ISFM) 2021 merupakan program bercerita secara dalam talian dengan mengetengahkan pencerita terkenal dari 11 buah negara. Festival ini diadakan bertujuan untuk bertukar pengalaman, pengetahuan dan kepelbagaian teknik serta persembahan bercerita kepada masyarakat Malaysia dan luar negara. Terdapat 12 orang pencerita yang terlibat antaranya United Kingdom, Thailand, Korea Selatan, Turki dan lain-lain.

Festival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Program ini berlangsung selama lima hari bermula 24 sehingga 28 Ogos 2021 yang diadakan secara dalam talian dan disiarkan secara langsung melalui saluran PNM TV.




Poster promosi ISFM 2021
yang memaparkan pencerita-pencerita
mewakili negara masing-masing

# MAJLIS PERASMIAN PAMERAN REALITI MAYA (VR) DAN REALITI TERIMBUH (AR) RUMAH MELAYU TRADISIONAL

## Berinspirasikan Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah







Poster promosi Majlis Perasmian Pameran VR dan AR Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Petua Membina Rumah

Pada 30 November 2021, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) telah mengadakan Majlis Perasmian Pameran Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Melayu Petua Membina Rumah. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bertempat di PNM. Pameran ini bertujuan mengetengahkan ilmu pengetahuan seni bina rumah Melayu tradisional dan menonjolkan Koleksi Manuskrip Melayu khususnya berkaitan petua membina rumah serta manuskrip lain yang berkaitan menerusi penggunaan teknologi VR dan AR yang dibangunkan berasaskan web.

Paparan Pameran Maya VR & AR Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Petua Membina Rumah di laman web rasmi Pameran Maya PNM





En. Faizal Hilmie bin Yusof, Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat menerangkan serba sedikit kepada YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengenai manuskrip yang dipamerkan sempena perasmian Pameran VR & AR Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Petua Membina Rumah

## PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

Program Negara Membaca 2021 merupakan program utama PNM bagi membugarkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia dan Gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2030. Pelaksanaan program disesuaikan dengan suasana norma baharu iaitu secara dalam talian menerusi saluran PNM TV. Program Negara Membaca telah dilaksanakan sepanjang bulan Julai hingga Oktober 2021.




Poster Program Negara Membaca mengenai Pencinta Buku




Poster Promosi Program Bulan Bicara TAC

## PROGRAM BUAL BICARA TAC (TOURISM, ART & CULTURE) *ON THE GO! WITH MINISTER OF TOURISM, ART AND CULTURE*

Program ini diadakan pada 3 November 2021 yang disiarkan secara langsung menerusi PNM TV Channel. Program bual bicara bersama YB Dato' Sri Hjh Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ini membicarakan keistimewaan Batang Sadong sebagai permata Pelancongan, Seni dan Budaya di Samarahan, Sarawak.

## *GLOBAL MEDIA & INFORMATION LITERACY WEEK OLEH UNESCO*

Program Literasi Media dan Maklumat Mega 2021 yang diadakan pada 24 hingga 31 Oktober 2021 telah disiarkan secara langsung menerusi PNM TV *Channel* dan Media Sosial PNM bersempena dengan 'Global Media & Information Literacy Week' oleh UNESCO. Dalam program ini juga, PNM turut melancarkan Portal Didik Literasi Media dan Maklumat atau e-LMM yang boleh di layari di http://elmm.pnm.gov.my.




Poster Promosi Literasi Media dan Maklumat

# SEMARAK *IQRA'*

Program Semarak *Iqra'* merupakan program anjuran PNM dengan kerjasama JAKIM yang telah diadakan pada 6 Mei 2021 bersamaan 24 Ramadan 1442H. Program ini juga dijalankan sempena Program WORLD #QuranHour yang dilaksanakan setiap tahun dan diterajui oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas. Objektif program PNM ini adalah untuk meningkatkan penghayatan Ramadan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pada tahun ini, surah al-Mulk menjadi surah utama yang diangkat bagi membawa misi Malaysia Berbudi Penyayang. Seramai 84 orang peserta fizikal yang hadir dan seramai 162 penonton telah mengikuti perasmian ini secara dalam talian.




Poster Promosi Semarak *Iqra'*.



Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab bersama Timbalan Ketua Pengarah PNM, Puan Fadhilah Aini binti Md Yusof dan Pengarah Perkhidmatan Korporat, Puan Suhaila binti Abd Rahman mendengar ceramah yang sedang disampaikan



Solidariti warga PNM bagi menjayakan Program Semarak *Iqra'* anjuran PNM dengan kerjasama JAKIM




Poster Promosi Program Sambutan 10 Tahun Perkhidmatan u-Pustaka

## PROGRAM SAMBUTAN 10 TAHUN u-PUSTAKA

Perkhidmatan u-Pustaka telah genap 10 tahun pada 31 Mac 2021 dan sempena ulang tahun ke-10, PNM selaku penyelaras perkhidmatan u-Pustaka telah melancarkan kempen sambutan 10 tahun u-Pustaka dengan kerjasama 11 perpustakaan konsortium u-Pustaka. Program ini merupakan inisiatif untuk mempergiatkan promosi kempen masyarakat berbudaya membaca dan berilmu pengetahuan tinggi dengan mengetengahkan sumber-sumber bahan digital yang terdapat dalam u-Pustaka.

# PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PNM TAHUN 2021

| | KEAHLIAN | PENGUNJUNG | PENGGUNA | PEMINJAMAN BAHAN | BAHAN DIRUJUK |
|---|---|---|---|---|---|
| FIZIKAL | 8,901 | 15,846 | 27,184 | 101,336 | 34,569 |
| MAYA | 66.787 | 1,068,749 | 16,121,949 | 572,815 | 9,290,259 |
| | | **1,084,595** | **16,149,133** | **674,151** | **9,324,828** |

*Perkhidmatan Fizikal PNM mula ditutup pada 20 Mei hingga 31 September 2021 semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Fasa 1 & 2. Perkhidmatan PNM mula dibuka pada 5 Oktober 2021.*

Statistik PNM 2021

Pesan Bonda

*Terbang mari si burung kenari,*
*Hinggap di tepi sepohon lada,*
*Bacalah buku setiap hari,*
*Kelak ilmu penuh di dada.*



# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

# KHIDMAT **PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah. Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga aktiviti dan 10 subaktiviti yang diketuai oleh Pengarah dan 22 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah.

## PENGURUSAN

| Sub Aktiviti | Bahagian |
|---|---|
| **Khidmat Pengurusan Sumber Manusia** | Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| **Integriti** | Unit Integriti |
| **Perkhidmatan Korporat** | • Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa<br>• Bahagian Komunikasi Korporat<br>• Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| **Pembangunan Modal Insan** | Bahagian Pembangunan Modal Insan |

## PEMBANGUNAN

| Sub Aktiviti | Bahagian |
|---|---|
| **Prasarana Ilmu dan Maklumat** | • Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa<br>• Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan<br>• Bahagian Penyelidikan |
| **Pembangunan Koleksi** | • Pusat Bibliografi Negara<br>• Pusat Penyerahan Terbitan Negara<br>• Bahagian Pembinaan Koleksi<br>• Bahagian Pemuliharaan |

## PERKHIDMATAN

| Sub Aktiviti | Bahagian |
|---|---|
| **Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat** | • Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara<br>• Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu<br>• Bahagian Sumber Elektronik |
| **Perpustakaan Cawangan dan Komuniti** | • Bahagian Pinjaman<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) |
| **Perpustakaan Digital Negara** | • Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan<br>• Bahagian Kandungan Digital<br>• Bahagian Pengurusan Projek Digital |

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA (BKPSM)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) terdiri daripada empat unit yang menjalankan empat fungsi berikut; Pentadbiran, Perolehan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan.

## Unit Pentadbiran

Fungsi utama Unit Pentadbiran adalah untuk merancang dan menguruskan pentadbiran jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di jabatan, sewaan kemudahan jabatan, memantau keselamatan bangunan milik jabatan, menyediakan kemudahan pemandu dan kenderaan, menguruskan fail dan rekod jabatan, memantau kerja-kerja pembersihan di dalam dan di luar pejabat dan juga landskap.

### Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh Syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd. dari 15 November 2019 hingga 14 November 2020 dan dilanjutkan kontrak daripada 15 November 2020 hingga 14 April 2021. Oleh kerana pandemik COVID-19, Kementerian Kewangan (MOF) telah memberikan kelulusan khas pelanjutan kontrak selama lapan bulan lagi bermula 15 April 2021 hingga 16 Disember 2021. Kerja-kerja penyenggaraan bangunan meliputi semua kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik. Sepanjang tahun 2021, jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, penyenggaraan lif dan bangunan dan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk kakitangan dan pengguna perpustakaan.

Bagi perkhidmatan pembersihan di Premis PNM, Wisma Sejarah dan Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD) serta penjagaan landskap di premis PNM dijalankan oleh Syarikat ZB I Tech Sdn Bhd mulai 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021. Kerajaan melalui surat bertarikh 27 Ogos 2020 telah meluluskan Tambahan Skop Perkhidmatan Kebersihan bagi Perkhidmatan Sanitasi di Premis PNM, Wisma Sejarah dan PABD mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021 (10 bulan) dengan pemantauan BKPSM. Kerajaan juga telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh perjanjian selama sembilan bulan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2021 sehingga 31 Mac 2022.

### Keselamatan Jabatan

BKPSM merupakan urus setia bagi Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat sembilan jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

1. Jawatankuasa Bangunan dan Penyelenggaraan
2. Jawatankuasa Keselamatan ICT
3. Jawatankuasa Pertolongan Cemas
4. Jawatankuasa Bertindak Kecemasan
5. Jawatankuasa Penyelaras Bangunan *Extra Space*
6. Jawatankuasa TASKA PNM
7. Jawatankuasa Keselamatan Koleksi
8. Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Wisma Sejarah
9. Jawatankuasa Kantin

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di PNM diuruskan oleh Syarikat Lans Force Sdn Bhd mulai 15 Ogos 2020 hingga 14 Ogos 2022 dengan pemantauan BKPSM.

## Unit Perolehan dan Aset

Unit Perolehan dan Aset berfungsi dalam menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui kaedah perolehan seperti tender, sebut harga dan pembelian terus. Unit ini juga menguruskan aset alih jabatan yang meliputi proses penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira serta merancang dan mengurus bekalan stor pejabat. Sehingga akhir tahun 2021, sebanyak 4,028 harta modal dan 40,368 aset alih bernilai rendah di ibu pejabat PNM dan Perpustakaan Desa PNM diselia oleh Unit Perolehan dan Aset. Manakala sepanjang tahun 2021, Unit Perolehan dan Aset telah melaksanakan perolehan secara tender dan sebut harga seperti berikut:

| BIL. | PEROLEHAN | BILANGAN | NILAI PEROLEHAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Tender | 3 | 6,853,040.00 |
| 2 | Sebut Harga | 11 | 1,743,649.71 |
| | **Jumlah** | **14** | **8,596,689.71** |

Selain daripada itu, Unit Perolehan dan Aset juga telah melaksanakan perolehan secara Pembelian Terus dan Pesanan Kontrak sistem e-Perolehan seperti berikut:

| BIL. | PEROLEHAN | BILANGAN | NILAI PEROLEHAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pesanan Kerajaan (PO) | 193 | 1,287,524.76 |
| 2 | Pesanan Kontrak (CO) | 145 | 8,570,873.34 |
| | **Jumlah** | **338** | **9,858,398.10** |

Pada Tahun 2021, Unit Perolehan dan Aset juga telah melaksanakan 26 perolehan secara kelulusan khas iaitu 16 langganan pangkalan data, lima perolehan Koleksi Manuskrip Melayu, satu perolehan Koleksi Bahan Nadir, tiga perolehan Koleksi Peribadi serta satu perolehan darurat yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM3,939,002.99.

## Unit Pengurusan Sumber Manusia

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengendali urusan personel dan perkhidmatan, pengurusan prestasi, memastikan kemajuan kerjaya, keperluan tenaga kerja dengan kemahiran dan penempatan yang betul selaras dengan visi dan misi organisasi.

Unit ini juga bertanggungjawab merancang pembangunan organisasi untuk memastikan jabatan mempunyai struktur organisasi yang sesuai, jumlah perjawatan yang mencukupi dan tersusun supaya menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan.

### Perjawatan PNM

Pada tahun 2021, PNM mempunyai sebanyak 513 perjawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan termasuk perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) berikutan pengambilalihan khidmat pengurusan dan sumber manusia PPANPs di bawah PNM sejak 16 Mei 2010. Ringkasan kedudukan perjawatan di Ibu Pejabat PNM adalah seperti berikut:

| BIL. | KATEGORI | BILANGAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1. | Pengurusan Tertinggi | 2 | 1 | 1 |
| 2. | Pengurusan & Profesional | 147 | 135 | 12 |
| 3. | Pelaksana | 364 | 325 | 39 |
| | **JUMLAH** | **513** | **461** | **52** |

Dari keseluruhan perjawatan PNM tersebut, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara adalah merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima Skim Perkhidmatan seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | BIL. JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Pustakawan | 133 |
| 2. | Penolong Pustakawan | 51 |
| 3. | Pembantu Pustakawan | 148 |
| 4. | Pembantu Operasi | 62 |
| 5. | Pemandu | 13 |
| | **JUMLAH** | **407** |

Manakala skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Jabatan Penerangan Malaysia.

### Perjawatan Kader

PNM juga mempunyai sejumlah perjawatan pelbagai gred di bawah Ketua Perkhidmatan PNM yang ditempatkan di agensi-agensi yang mengguna pakai skim perkhidmatan Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Pustakawan sebagai jawatan kader PNM seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | BIL. JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Pustakawan | 183 |
| 2. | Penolong Pustakawan | 202 |
| 3. | Pembantu Pustakawan | 937 |
| | **JUMLAH** | **1,322** |

## Lantikan Baharu

Seramai 50 orang kakitangan lantikan baharu pelbagai gred telah melapor diri di BKPSM pada tahun 2021. Program Orientasi Pegawai Lantikan Baharu diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dalam bidang perpustakaan dan maklumat kerana bukan semua kakitangan baharu adalah dari jurusan Sains Perpustakaan.

Selain itu, program ini juga berperanan sebagai medan untuk mengenal pasti bakat, kebolehan dan kecenderungan mereka sebelum diberi penempatan yang sesuai. Program tersebut berkonsepkan taklimat dan lawatan ke bahagian-bahagian tertentu di PNM.

Statistik pegawai lantikan baharu tahun 2021 mengikut jawatan adalah seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | TARIKH LAPOR DIRI | BILANGAN PEGAWAI |
|---|---|---|---|
| 1. | Pustakawan Gred S41 | 25.1.2021 | 2 |
| | | 1.7.2021 | 4 |
| | | 1.9.2021 | 1 |
| | | 1.10.2021 | 9 |
| | | 8.11.2021 | 1 |
| | | 1.12.2021 | 1 |
| 2. | Pembantu Pustakawan Gred S29 | 1.11.2021 | 26 |
| | | 2.11.2021 | 1 |
| 3. | Pembantu Pemuliharaan Gred S19 | 19.7.2021 | 2 |
| 4. | Pembantu Operasi Gred N11 | 1.7.2021 | 3 |
| | **JUMLAH** | | **50** |

## Perpustakaan Desa PNM

Matlamat Perpustakaan Desa (PD) adalah untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar dan masyarakat luar bandar serta membangunkan minda melalui pembacaan. Ini dapat membantu menangani jurang ilmu antara masyarakat bandar dan luar bandar. PD ditubuhkan sejak tahun 2005 sehingga kini terdapat sebanyak 507 buah PD di seluruh negara. Bagi merealisasikan matlamat ini, PNM telah diluluskan struktur perjawatan PD bertaraf 'Contract of Service' seperti berikut:

| GRED | JAWATAN | PENGISIAN | KOSONG |
|---|---|---|---|
| Penolong Pustakawan S29 | 129 | 122 | 7 |
| Pembantu Pustakawan S19 | 512 | 428 | 84 |
| Pembantu Operasi N11 | 512 | 387 | 125 |
| **JUMLAH** | **1153** | **937** | **216** |

## Perpustakaan Komuniti PNM

Penubuhan Perpustakaan Komuniti ini diilhamkan oleh YB. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, Bekas Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia supaya mewujudkan perpustakaan di pusat beli-belah dengan berkonsepkan 'Perpustakaan Untuk Anda' (Library2U) agar masyarakat dapat mengakses bahan-bahan bacaan dengan mudah. Perpustakaan Komuniti di pusat beli-belah diharapkan dapat menyokong pendidikan sepanjang hayat individu dan kendiri serta pendidikan tidak formal kepada semua peringkat pembaca khususnya masyarakat setempat.

Perpustakaan ini juga akan menjadi pusat sehenti untuk pembelajaran dan pertemuan sosial bagi masyarakat bandar pada waktu terluang atau sambil beriadah.

Sehingga kini, PNM telah diluluskan sebanyak sembilan jawatan bertaraf 'Contract of Service' pelbagai gred iaitu Penolong Pustakawan Gred S29 (1 jawatan), Pembantu Pustakawan Gred S19 (4 jawatan) dan Pembantu Operasi Gred N11 (4 jawatan) di lima buah Perpustakaan Komuniti seperti berikut:

(i) Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras (2010)
(ii) Perpustakaan Komuniti AEON AU2 Setiawangsa (2011)
(iii) Perpustakaan Awam Bukit Damansara (2013)
(iv) Perpustakaan Komuniti UTC Keramat Mall (2014)
(v) Perpustakaan Komuniti Buku2u@Radia (2018)

## Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2021, urusan kenaikan pangkat di PNM turut dilaksanakan melibatkan skim-skim perkhidmatan di bawah Ketua Perkhidmatan, Ketua Pengarah PNM seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | PEMANGKUAN GRED | | BILANGAN PEGAWAI | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | DARI | KEPADA | | |
| 1. | Pengurusan Tertinggi | S54 | JUSA C | 2 | |
| 2. | Pustakawan | S52 | S54 | 3 | |
| | | S48 | S52 | 6 | |
| | | S44 | S48 | 3 | |
| 3. | Penolong Pustakawan | S32 | S38 | 1 | *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) 2 |
| | | S29 | S32 | 2 | |
| | | S29 | S32 | 40 | *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) 1 |

## Persaraan

Pada tahun 2021, seramai 12 orang anggota PNM terlibat dalam urusan persaraan wajib dan pilihan seperti berikut:

| BIL. | NAMA | JAWATAN | BAHAGIAN | TARIKH BERSARA | JENIS PERSARAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Hashimah binti Mohamed Yusoff | Pustakawan Gred S52 | Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa | 01.01.2021 | Wajib |
| 2 | Nasimah binti Badaruddin | Pustakawan Gred S52 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara | 02.01.2021 | Pilihan |
| 3 | Nasaruddin bin Ahmad | Pembantu Pustakawan Gred S28 | Bahagian Pembinaan Koleksi | 07.01.2021 | Wajib |
| 4 | Mahzani bin Aziz | Pembantu Akauntan Gred W22 | Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia | 21.01.2021 | Wajib |
| 5 | Maizan binti Ismail | Pustakawan Gred Utama Jusa B | Pejabat Ketua Pengarah | 03.02.2021 | Wajib |
| 6 | Nor Khayati binti Basir | Pembantu Pustakawan Gred S22 | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara | 04.02.2021 | Wajib |
| 7 | Datin Jamaliah binti Mohd Nayan | Pustakawan Gred Utama Jusa C | Pejabat Timbalan Ketua Pengarah | 24.03.2021 | Wajib |

| BIL. | NAMA | JAWATAN | BAHAGIAN | TARIKH BERSARA | JENIS PERSARAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 8 | Norazwana binti Yusop | Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 | Bahagian Teknologi Maklumat | 03.05.2021 | Pilihan |
| 9 | Thalathiah binti Awang | Pembantu Pustakawan Gred S26 | Bahagian Komunikasi Korporat | 01.06.2021 | Wajib |
| 10 | Mustafa bin Daud | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa | 05.07.2021 | Wajib |
| 11 | Rosenah binti Abdul Karim | Pustakawan Gred S48 | Bahagian Pemuliharaan | 16.08.2021 | Wajib |
| 12 | Fadhilah Aini binti Md Yusof | Pustakawan Gred Utama C | Pejabat Timbalan Ketua Pengarah | 22.09.2021 | Wajib |

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021

APC merupakan penghargaan kerajaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang yang mana mutu dan penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Unit BKPSM selaku urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), PNM akan menguruskan mesyuarat tersebut di setiap awal tahun bagi pemilihan calon APC Jabatan. Pada tahun 2021, seramai 36 orang anggota PNM telah dipilih sebagai penerima anugerah ini berdasarkan perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tahun 2020 seperti berikut:

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. | NAMA | GRED | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** | 1. | Mohd Azmi bin Aziz | Pustakawan Gred S52 | Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa |
| | 2. | Fatimah binti Haji Abdul Hai | Pustakawan Gred S48 | Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| | 3. | Mohamad Sharizal bin Omar | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa |
| | 4. | Hasnan binti Mamat @ Ahmad Shazili | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| | 5. | Tamimi bin Taib | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Pemuliharaan |
| | 6. | Nor Hidayah binti Othman | Pustakawan Gred S44 | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara |
| | 7. | Rohaizah binti Mohd Rafee | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Pinjaman |
| | 8. | Suzilawati binti Salamat | Pustakawan Gred S44 | Bahagian Kandungan Digital |
| | 9. | Rosliza binti Ismail | Pustakawan Gred S41 | Pusat Bibliografi Negara |
| | 10. | Jamiliana binti Jamil | Pustakawan Gred S41 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| | 11. | Rosnita binti Ab Ghani | Pustakawan Gred S41 | Bahagian Sumber Elektronik |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan Pelaksana 1** | 12. | Kong Sing Hong | Penolong Pustakawan Tinggi Gred S38 | Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa |
| | 13. | Subramaniam A/L Kuppusamy | Penolong Pustakawan Tinggi Gred S38 | Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan |
| | 14. | Osmar Fariez bin Othman | Penolong Jurutera Kanan Gred JA36 | Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| | 15. | Nur Fatihah Al-Zahra binti Moh | Penolong Pustakawan Kanan Gred S32 | Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| | 16. | Adelien binti Sualin | Penolong Pustakawan Kanan Gred S32 | Pusat Bibliografi Negara |
| | 17. | Siti Kalsum binti Ibrahim | Penolong Pustakawan Kanan Gred S32 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| | 18. | Nur Dalila binti Zainal | Penolong Pustakawan Gred S29 | Bahagian Pinjaman |
| | 19. | Lahung Henri Anyi | Penolong Pustakawan Gred S29 | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara |
| | 20. | Norsyaza Liyana binti Bunny Linoby | Penolong Akauntan Gred W29 | Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| | 21. | Nur Assyahid bin Awang Omar Ali | Juruteknik Komputer Gred FA29 | Bahagian Teknologi Maklumat |
| | 22. | Izlin binti Jasmani | Setiausaha Pejabat Gred N29 | Pejabat Pengarah Perpustakaan Digital Negara |
| **Kumpulan Pelaksana 2** | 23. | Rohana binti Ahmad | Pembantu Pustakawan Kanan Gred S26 | Bahagian Pemuliharaan |
| | 24. | Suhaila binti Sulaiman | Pembantu Pustakawan Kanan Gred S22 | Bahagian Pembangunan Modal Insan |
| | 25. | Hazeline binti Mohd Zain | Pembantu Pustakawan Kanan Gred S22 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| | 26. | Dahlan bin Ismail | Pembantu Pustakawan Kanan Gred S22 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| | 27. | Nur Farah Nabilah binti Zainal Abidin | Pembantu Pustakawan Gred S19 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| | 28. | Siti Nur Kamalia binti Othman | Pembantu Pustakawan Gred S19 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| | 29. | Mohamad Azizul bin Abdullah | Pembantu Pustakawan Gred S19 | Pusat Bibliografi Negara |
| | 30. | Mohd Anuar Ruddin bin Zakaria | Pembantu Pustakawan Gred S19 | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara |
| | 31. | Roslina binti Samsudin | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 | Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| **Kumpulan Pelaksana 3** | 32. | Shahrul Nizam bin Mohamad | Pembantu Operasi Gred N11 | Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| | 33. | Nor Azuwa binti Musa | Pembantu Operasi Gred N11 | Bahagian Penyelidikan |
| | 34. | Norshahrulnizam bin Abdul Rahman | Pembantu Operasi Gred N11 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| | 35. | Marshila binti Mohamed Yusof | Pembantu Operasi Gred N11 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| | 36. | Mohd Adzrul bin Zulkifli | Pemandu Gred H11 | Pejabat Ketua Pengarah |

Disebabkan pandemik COVID-19, Majlis APC 2021 secara fizikal tidak dapat diadakan dan dilaksanakan secara rakaman video yang diselaraskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

## Unit Kewangan

Pada tahun 2021, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM162,224,470.16 bagi belanja mengurus termasuk Dasar Sedia Ada, One-Off dan Program Khusus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM160,525,080.88 dengan peratus perbelanjaan sebanyak 98.95%.

Peruntukan ini diagihkan kepada Bahagian-bahagian dan Pengarah Subaktiviti dan Ketua Bahagian bertanggungjawab bagi mengurus peruntukan tersebut dengan dikawal selia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

PNM juga mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu (1) Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.



# INTEGRITI

## UNIT INTEGRITI




## Program / Aktiviti

**Semakan Pematuhan Terhadap Peraturan**

Semakan pematuhan terhadap peraturan adalah pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan oleh Unit Integriti terhadap bahagian dan unit yang melaksanakan perolehan pada tahun berakhir 2021. Pemeriksaan ini tertumpu kepada kecukupan, pematuhan proses dan prosedur terhadap ketersediaan dokumen yang dilaksanakan untuk perolehan satu-satu perkhidmatan dan pembekalan di jabatan. Sepanjang tahun 2021, Unit Integriti telah melaksanakan pemeriksaan terhadap 12 dokumen perolehan perkhidmatan dan pembekalan yang melibatkan empat bahagian iaitu:

| BIL. | TAJUK PEROLEHAN / MAKLUMAT PEMBEKAL | BAHAGIAN |
|---|---|---|
| 1. | Sebut Harga Membekalkan Bahan Aktiviti untuk Kegunaan Bahagian Pinjaman 2021. | Bahagian Pinjaman |
| 2. | Sebut Harga Pembekalan Tag HF dan UHF Radio Frequency Identifation (RFID) untuk Bahan Perpustakaan yang boleh Berintegrasi dengan Sistem Perpustakaan Bersepadu Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2021. | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 3. | Sebut Harga Perkhidmatan Membungkus, Mengangkut, dan Menghantar Bahan Bacaan kepada Perpustakaan Desa PNM Di Seluruh Malaysia Tahun 2021. | |
| 4. | Rundingan Terus Perolehan Koleksi PNM (PK 7.11) (perolehan pada 4 Mei 2021). | |
| 5. | Rundingan Terus Perolehan Koleksi PNM (PK 7.11) (perolehan pada 28 April 2021). | |
| 6. | Rundingan Terus Perolehan Koleksi PNM (PK 7.11) (perolehan pada 19 April 2021). | |
| 7. | Sebut Harga Perkhidmatan Pembangunan Realiti Maya (VR) dan Realiti Terimbuh (AR) Rumah Melayu Tradisional Berinspirasikan Manuskrip Melayu "Petua Membina Rumah". | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu |
| 8. | Perkhidmatan Mereka Bentuk dan Mencetak Bahan Pameran untuk Mempromosikan Manuskrip Melayu. | |
| 9. | Perkhidmatan Mereka Bentuk dan Mencetak Bahan Promosi Korporat (Plak Eksklusif) PNM. | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 10. | Perkhidmatan Mereka Bentuk dan Mencetak Laporan Tahunan 2020 untuk Perpustakaan Negara Malaysia. | |
| 11. | Perkhidmatan Mereka Bentuk dan Mencetak Bahan Promosi Keahlian PNM. | |
| 12. | Perkhidmatan Mereka Bentuk dan Mencetak Banner Maklumat Umum / Perayaan Untuk PNM. | |

Hasil semakan awal terhadap dokumen perolehan dan pembekalan mendapati setiap prosedur, proses, peraturan dan panduan telah dipatuhi.

### Pengurusan Tatatertib

Satu pengurusan tatatertib terhadap pegawai PNM telah diselesaikan yang melibatkan dua jenis pertuduhan iaitu:

- Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah; dan
- Tidak ketik Kad Perakam Waktu.

### Pengukuhan Integriti

- Sebanyak 52 hebahan poster berkenaan dengan pematuhan terhadap akta, pekeliling dan arahan yang sedang berkuat kuasa telah diedarkan melalui e-mel kepada semua warga jabatan termasuk warga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) dan petugas Perpustakaan Desa (PD); dan
- Sebanyak 50 hebahan poster berkenaan dengan amalan nilai-nilai murni dalam usaha memberi peringatan kepada warga jabatan termasuk warga PPANPs dan PD yang menjadi tunjang perkhidmatan turut diedarkan.


MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37
No. 24

25hb November 1993

TAMBAHAN No. 70
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 395.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

Warta kerajaan mengenai Peraturan-peraturan Pegawai Awam

## Taklimat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Taklimat Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah dilaksanakan kepada semua pegawai lantikan baharu pada tahun 2021. Sebanyak dua siri taklimat telah diadakan dengan memberi penekanan terhadap peraturan yang perlu dipatuhi dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa sebagai panduan apabila menjadi sebahagian daripada penjawat awam.

## Bengkel Pemurniaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 Perpustakaan Negara Malaysia

Pada 15 hingga 16 Mac 2021, Bengkel Pemurnian OACP telah diadakan bagi memantau dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dibangunkan. Selaras dengan Pelan Antirasuah Organisasi yang telah diwujudkan, sembilan daripada 15 Pelan Tindakan Risiko Rasuah telah dilaksanakan pada tahun berakhir 2021. Pelan tersebut yang tertumpu kepada Pentadbiran Sektor Awam dan Perolehan Awam bermatlamat untuk mengupayakan perkhidmatan organisasi melalui tadbir urus yang telus, cekap dan berkesan serta melahirkan warga kerja yang bersih melalui amalan integriti yang berterusan.







Antara staf PNM yang menghadiri Bengkel Pemurnian Pelan Antirasuah Organisasi

# PERKHIDMATAN **KORPORAT**

## BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (BPSA)

### Permukiman Analisis Pencapaian Pelan Strategik (PSPNM) 2019 - 2023 Tahun 2021

Permukiman telah dilaksanakan secara hibrid pada 6 Disember 2021 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PNM. Permukiman memfokuskan mengenai pencapaian PSPNM bagi tahun 2021 dan mengenal pasti kaedah pelaksanaan pelan tindakan dan operasi yang tepat dan sesuai dengan parameter dan dimensi KPI.






Sedang berlangsung mesyuarat Permukiman Analisis Pencapaian Pelan Strategik PNM

### Mesyuarat - mesyuarat Utama Jabatan

| BIL. | NAMA MESYUARAT | KPI TAHUNAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Pengurusan | 10 kali |
| 2. | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) | 1 kali |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2015 | 2 kali |
| 4. | Mesyuarat Akta dan Dasar | 1 kali |

### Audit Dalaman PNM Oleh Pasukan Audit Dalaman PNM

Audit Dalaman Bil. 1/2021 telah dilaksanakan pada 24 - 26 Februari 2021, manakala Audit Dalaman Bil. 2/2021 pada 22 - 24 November 2021. Kedua-dua Audit Dalaman ini dilaksanakan secara fizikal dengan pematuhan ketat terhadap SOP yang berkuat kuasa.

### Pencapaian Indeks Piagam Pelanggan

Dalam memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan, perancangan strategik dan jangka pendek PNM juga dipacu oleh lapan Piagam Pelanggan yang mengambil kira keupayaan pelaksanaan dan impaknya kepada organisasi dan pelanggan perpustakaan. Pada tahun 2021, pencapaian Piagam Pelanggan PNM menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan iaitu 97.4%.

## Taklimat Kesedaran Pelaksanaan MS ISO 9001:2015

Satu taklimat kesedaran pelaksanaan MS ISO 9001:2015 kepada warga PNM telah disampaikan oleh Encik Edy Irwan bin Zulkafli selaku Timbalan Wakil Pengurusan pada 22 Febuari 2021 bertempat di Aras 10, Menara PNM secara rakaman bersama dengan beberapa pegawai ISO dan kakitangan baharu yang dipilih.



Talimat kesedaran pelaksaan MS ISO disampaikan oleh Encik Edy Irwan

## Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Jabatan telah melaksanakan prapembentangan KIK pada 4 Februari 2021 secara hibrid bertempat di bilik Mesyuarat Lembaga Aras 15, bangunan Menara PNM menggunakan aplikasi Google Meet. Sebanyak enam cadangan projek KIK telah dibentangkan dalam prapembentangan tersebut iaitu:

| BIL. | BAHAGIAN | PROJEK |
|---|---|---|
| 1. | BPSA | E-Kehadiran |
| 2. | BKK | Go-Book@PNM |
| 3. | BPK | Sistem K-Pena |
| 4. | BP | *Fast Drill* |
| 5. | BPJMN | *QuickBook*@PNM |
| 6. | PIM | Sistem Pemantauan Penyelia Perpustakaan Desa (PD) |



Prapembentangan Projek Kumpulan KIK

## Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Majlis Pelancaran EKSA dan Gotong Royong Perdana PNM telah diadakan pada 8 Mac 2021, bertempat di Aras 10, Menara PNM secara bersemuka dan secara maya. Pelancaran EKSA telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Jamaliah binti Mohd Nayan, Timbalan Ketua Pengarah, PNM. Pertandingan Mencipta Logo dan Slogan EKSA telah dimenangi oleh Encik Ibnu Ridzwan bin Zulkupli dari Zon Anggerik. Sesi taklimat pelaksanaan Gotong Royong Perdana juga telah disampaikan oleh Puan Suhaila binti Abd Rahman, TPgh (K) BPSA dan disusuli dengan aktiviti Gotong-Royong Perdana pada hari tersebut.




YBhg. Datin Jamaliah menyiram pokok sebagai simbolik perasmian Pelancaran EKSA Gotong Royong Perdana PNM

## Urusan Parlimen

Pada tahun 2021, PNM telah menerima sebanyak sembilan pertanyaan Parlimen dari Dewan Rakyat mengenai perkhidmatan sepanjang pandemik COVID-19, program galakan membaca, perpustakaan desa dan fungsi perpustakaan.



YB Dato' Sri Hjh Nancy binti Shukri dan ahli-ahli urusan parlimen

| MESYUARAT | PERTANYAAN / INPUT | |
|---|---|---|
| | JAWAB LISAN | BUKAN JAWAB LISAN |
| Pertama (13 September – 12 Oktober 2021) | 0 | 0 |
| Kedua (25 Oktober – 16 Disember 2021) | 5 | 0 |
| Ketiga (25 November 2021) | 4 | 0 |
| **JUMLAH** | **9** | **0** |

Jadual Mesyuarat Dewan Rakyat

## Urusan Persidangan Antarabangsa

### *CONSAL Executive Board Meeting*

Mesyuarat ini telah diadakan secara dalam talian pada 22 Oktober 2021 yang menjadi medium penting perbincangan dan pembentangan laporan daripada setiap negara menjurus hal ehwal terkini kepustakawanan. Malaysia telah diwakili oleh Puan Aidatul Hasnida binti Abdul Rani, Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA), PNM dan wakil daripada Persatuan Pustakawan Malaysia.

***Conference of Directors of National Libraries (CDNL) 2021***

Persidangan antara Ketua-ketua Pengarah Perpustakaan Negara telah diadakan pada 8 September 2021 secara dalam talian. Persidangan tahun ini bertemakan "Dealing with Uncertainties as a National Library: In The Context of Risk Management and COVID-19 Pandemic". PNM telah diwakili oleh Encik Ali bin Rashid, Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti (PCK), PNM.

***86th IFLA World Library and Information Congress***

Persidangan tahunan terbesar bagi profesion pustakawan ini telah diadakan pada 17 - 19 Ogos 2021 secara dalam talian dan tuan rumah persidangan adalah negara Belanda. Persidangan yang bertemakan "Let's Work Together for the Future" ini disertai oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM beserta sembilan orang wakil jabatan.

| BIL. | PEMBENTANG KERTAS KERJA | JUDUL KERTAS/PERSIDANGAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | En. Razman bin Abd. Rani, TPgh Kanan, PBN | *National Depository: Warehouse for Malaysian Digital Content*<br>*1st ASEAN Virtual Regional Conference of Public Librarians (ASEAN VRCPL)* (dalam talian) | 23 - 25 Ogos 2021 |
| 2. | Pn. Nor Shamsinar bin Baharom, PPgh BRSP, Pn. Beghum Ulfhat Shehnaaz binti Amir Razali, PPgh PRMLN dan Pn. Syarifah Azmirina binti Syed Baniamin, PPgh BGLM | *e-LMM: Smart Way to Learn Literacy Media and Information in Pandemic COVID-19 Outbreak*<br>*(LAS-PPM Joint Conference)* | 6 Oktober 2021 |
| 3. | Cik Noorzaimah binti Razali | *COVID-19 Pandemic and enriching Children's Literacy Experience: How the National Library of Malaysia Streched it's Capabilities to Serve Children During Pandemic*<br>*(7th International Virtual Conference on Children and Young Adult Librarianship) (ICCYAL)* | 22 Oktober 2021 |
| 4. | Pn. Hasnida binti Jakeria, PPgh Kanan, PRMLN | *ASEAN Capacity Building in Library Services: Re-framing Libraries, Setting New Normal*<br>*(Virtual Conference on ASEAN Capacity Building in Library Services) (ACF)* | 17 - 19 November 2021 |

## Kunjungan Hormat dari Badan dan Agensi Antarabangsa/ Tempatan Tahun 2021

Sepanjang tahun 2021, PNM telah menerima lawatan dari badan dan agensi tempatan seperti berikut:

| BIL. | KUNJUNGAN HORMAT PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Kunjungan Hormat Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM | 12 Januari 2021 |
| 2. | Kunjungan Hormat Persatuan Pustakawan Malaysia | 1 Mac 2021 |
| 3. | Kunjungan Hormat Oligarch Studio | 9 April 2021 |
| 4. | Kunjungan Hormat Kedutaan Negara Uzbekistan Melalui Dalam Talian | 25 Jun 2021 |
| 5. | Lawatan Rasmi YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya | 14 September 2021 |

## Kunjungan Hormat Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM



Perbincangan mengenai Profesional Teknologi antara Puan Maizan, Ketua Pengarah, PNM dan Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan PTAR UiTM




Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan PTAR UiTM menyerahkan cenderamata kepada KP PNM

## Kunjungan Hormat Persatuan Pustakawan Malaysia



Perbincangan mengenai isu-isu profesion pustakawan diadakan antara mantan TKP PNM YBhg. Datin Jamaliah Mohd Nayan dan wakil daripada Persatuan Pustakawan Malaysia

## Lawatan Rasmi YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya



YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya melawat Koleksi Nadir PNM

# BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT (BKK)

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) bertanggungjawab dalam menguruskan perhubungan awam, pengurusan media, aduan awam, aktiviti promosi dan publisiti, keahlian PNM, pameran dan penerbitan jabatan.

## Keahlian PNM

Sepanjang tahun 2021, seramai 8,901 keahlian baharu telah diterima oleh PNM. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah keahlian kumulatif PNM adalah seramai 1,357, 727 orang ahli. Kempen keahlian secara fizikal tidak dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2021 berikutan pandemik COVID-19. Namun demikian kempen keahlian secara dalam talian tetap dilaksanakan menerusi hebahan di media sosial dan portal PNM.




Poster pendaftaran keahlian

## Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan PNM telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2021 melalui aplikasi Zoom. Program ini yang julung kalinya diadakan secara dalam talian telah memberi peluang kepada peserta untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pelbagai perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh PNM antaranya Perkhidmatan u-Pustaka, Perkhidmatan Rujukan, Perkhidmatan Pinjaman, Perkhidmatan kepada Penerbit, Program dan Aktiviti PNM dan Jualan Bahan Terbitan PNM.




Poster hebahan Hari Bertemu Pelanggan PNM



Antara peserta yang menyertai Hari Bertemu Pelanggan

## Maklum Balas Pelanggan

Sebanyak 29 maklum balas telah diterima bagi tahun 2021. Kategori maklum balas adalah seperti berikut:

9 Borang Maklum Balas

6 SISSPA

10 Media dalam Talian

1 Surat Khabar

| BIL. | 2020 | 2021 |
|---|---|---|
| 1. | **Bilangan Maklum Balas (28)**<br>• 12 Aduan<br>• 7 Cadangan<br>• 9 Penghargaan | **Bilangan Maklum Balas (29)**<br>• 14 Aduan<br>• 2 Cadangan<br>• 13 Penghargaan |
| 2. | **Aduan Berulang**<br>• Petugas Kaunter<br>• Penyelenggaraan Pendingin Hawa | **Aduan Berulang**<br>(Resit- Perkhidmatan *Book Drop*) |

Analisis Perbandingan Maklum Balas Keseluruhan bagi Januari hingga Disember 2020 dan 2021

Analisis bagi Januari hingga Disember 2021 menunjukkan bahawa:

- Terdapat peningkatan maklum balas sebanyak 11.5% berbanding tahun sebelumnya.
- Peratusan trend aduan didapati meningkat sebanyak 16.6% berbanding tahun sebelumnya.
- Aduan berulang bagi Januari – Disember 2021 adalah sebanyak 1 aduan berbanding 2 aduan berulang pada tahun 2020.
- Faktor peningkatan maklum balas pelanggan secara keseluruhan juga disebabkan oleh pertambahan jumlah aduan bagi Januari – Disember 2021.

## Publisiti dan Promosi Aktiviti Jabatan

Sebanyak 114 liputan daripada media massa dan media elektronik mengenai program/aktiviti dan perkhidmatan PNM. Antara media yang membuat liputan adalah RTM, BERNAMA, Berita Harian, Sinar Harian, KOSMO, The Star, TV3, Astro Awani, Radio Nasionalfm, KLFM, Era, Sinar dan IKIM. Manakala sebanyak 364 aktiviti promosi telah dijalankan oleh BKK sepanjang tahun 2021 untuk meningkatkan imej serta menyebar luas inisiatif yang dilaksanakan oleh PNM.

## Pameran

Perkhidmatan kandungan koleksi PNM turut dipromosikan kepada masyarakat melalui pameran - pameran yang diadakan. BKK telah mengadakan tiga pameran sepanjang tahun 2021.





## Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya

Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya telah diadakan bersempena Majlis Pelancaran Buku Budi Asas Tamadun yang berlangsung di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) pada 10-12 April 2021. Pameran ini bertujuan membangkitkan kecintaan dan memperkasakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat.

Pameran ini mengetengahkan replika Batu Bersurat Terengganu dan empat replika manuskrip Melayu iaitu:



(i) Hikayat Hang Tuah
(ii) Cerita Panji
(iii) Hikayat Cekel Waneng Pati
(iv) Hikayat Kelana Jayeng Seteru

## Pameran Maya Revolusi Penerbitan PNM.

Pameran ini boleh diakses melalui

http://pameranmaya.pnm.gov.my/revolusipenerbitanpnm/

Kuiz sempena pameran ini turut diadakan menerusi Facebook PNM pada 1 - 12 Disember 2021. Seramai 10 orang peserta telah berjaya menerima cenderamata berupa sebuah botol minum.







Cenderamata sempena kuiz pameran

## Pameran Perpustakaan Keluarga

Pameran Perpustakaan Keluarga telah diadakan sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Deepavali anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada 13 November 2021 di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Kuala Lumpur. Pameran ini bertujuan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan konsep perpustakaan keluarga yang boleh diwujudkan di setiap rumah. Pengisian pameran ini adalah seperti yang berikut:

(i) Pameran maklumat, peralatan dan kuiz Perpustakaan Keluarga;

(ii) Doktor Buku;

(iii) Perkhidmatan u-Pustaka;

(iv) Pameran buku *Augmented Reality* (AR)

(v) *Photobooth*



Seorang ibu mencuba buku AR untuk anaknya.




Demonstrasi pemuliharaan bahan dalam sesi 'Dr.Buku'

## Lawatan

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan penutupan perkhidmatan PNM pada tahun 2021, PNM hanya menerima empat lawatan sahaja daripada pelawat dalam negara melibatkan 33 orang pelawat. Pelawat terdiri dari pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian awam/ swasta, sekolah dan orang awam.

## Penerbitan

Unit Penerbitan telah menyelaraskan dua terbitan bercetak dan lima terbitan dalam talian pada tahun 2021. Bagi meningkatkan jualan terbitan, BKK telah mempergiatkan aktiviti promosi menerusi media sosial jabatan dan hasil jualan yang diperoleh pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 35,117.68.



# BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT

## Karnival Semarak Jawi @JAKIM 2021

Karnival Semarak Jawi @JAKIM 2021 merupakan program pembudayaan tulisan Jawi yang dianjurkan oleh PNM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Karnival ini telah diadakan secara dalam talian pada 28 September 2021 sehingga 29 September 2021 menerusi saluran PNM TV. Selain daripada pengisian utama karnival ini, terdapat juga pengisian aktiviti berbentuk pertandingan yang turut diadakan secara dalam talian bermula 30 September sehingga 25 Oktober 2021. Karnival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah JAKIM.



Poster Semarak Jawi @ JAKIM

Seramai 1,228 orang penonton secara langsung telah menyertai Majlis Perasmian, Bacaan Kegemaran Saya, Forum Pelestarian Tulisan Jawi dalam Era Digital dan Modenisasi serta e-Literasi Jawi Siri 1 dan 2. Jumlah keseluruhan tontonan ialah sebanyak 10,035 tontonan. Manakala jumlah keseluruhan penyertaan bagi Pertandingan Tulisan Jawi dalam talian ialah seramai 452 orang.

### 28 September 2021

- Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah JAKIM.
- Bacaan Kegemaran Saya bersama YBrs. Dr. Lokman bin Ab. Rahman, Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM.
- e-Literasi Jawi Siri 1 bersama Ustazah Noor Anita Sihab@ Abdul Rahman, Munsyi Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

### 29 September 2021

- Forum: "Pelestarian Tulisan Jawi dalam era Digital dan Modenisasi" bersama YBhg. Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid, Pengerusi Majlis Dakwah Negara dan YBrs. Profesor Emeritus Dr. Mohamad Bohari bin Ahmad atau dikenali sebagai Bukhari Lubis, Mantan Profesor Emeritus Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Manakala moderator ialah Tuan Haji Sallehuddin bin Arshad dari Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
- e-Literasi Jawi Siri Ke-2 bersama YBrs. Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

### 28 September - 25 Oktober 2021

- Pertandingan Tulisan Jawi dalam talian
- Pertandingan Si Cilik Pintar Jawi
- Pertandingan Tinta Jawi Kreatif
- Pertandingan Cabaran Jejak Jawi
- Pertandingan Seni Khat
- Pertandingan Pantun Jawi




Poster Jom baca bersama 10 minit

## Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021

Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021 diadakan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan turut disertai dan disokong oleh Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, institusi pendidikan dan tidak ketinggalan disertai oleh sektor swasta dan persatuan bukan kerajaan.

Berikutan penularan wabak pandemik COVID-19, program ini telah dijalankan secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian pada 23 April 2021. Siaran langsung secara dalam talian disiarkan menerusi Facebook rasmi PNM. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Seramai 87 orang peserta secara fizikal dan seramai 334 orang peserta maya mengikuti siaran langsung di Facebook PNM. Jumlah keseluruhan penyertaan secara dalam talian ialah seramai 3,373 tontonan.

Manakala jumlah keseluruhan penyertaan Jom Baca Bersama 10 Minit 2021 di seluruh Malaysia ialah seramai 3,248,851 orang.

| Bil. | Negeri | Jumlah Penyertaan (Orang) |
|---|---|---|
| 1. | Johor | 394,331 |
| 2. | Kedah | 148,973 |
| 3. | Kelantan | 303,114 |
| 4. | Melaka | 174,145 |
| 5. | Negeri Sembilan | 80,145 |
| 6. | Pahang | 211,754 |
| 7. | Perak | 290,323 |
| 8. | Perlis | 33,637 |
| 9. | Pulau Pinang | 80,680 |
| 10. | Sabah | 359,485 |
| 11. | Sarawak | 345,083 |
| 12. | Selangor | 536,837 |
| 13. | Terengganu | 133,712 |
| 14. | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 145,267 |
| | Wilayah Persekutuan Labuan | 191 |
| | Wilayah Persekutuan Putrajaya | 11,174 |
| **JUMLAH** | | **3,248,851** |

Penyertaan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021 Mengikut Negeri di Malaysia
*Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor*

| Bil. | Agensi/ Institusi | Jumlah Penyertaan (Orang) |
|---|---|---|
| 1. | Agensi kerajaan | 179,493 |
| 2. | Agensi bukan kerajaan | 12,819 |
| 3. | Institusi pendidikan | 148,381 |
| 4. | Sekolah | 2,439,897 |
| 5. | Perpustakaan | 404,043 |
| 6. | Individu/ orang awam | 29,088 |
| 7. | Keluarga | 24,150 |
| 8. | Lain-lain | 10,982 |
| **JUMLAH** | | **3,248,853** |

Penyertaan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021 Mengikut Kategori
*Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor*

## Program Negara Membaca 2021




Program Negara Membaca 2021 merupakan program utama PNM bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia dan Gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2030. Pelaksanaan program disesuaikan dengan suasana norma baharu iaitu secara dalam talian menerusi saluran PNM TV. Program ini telah dilaksanakan sepanjang bulan Julai hingga Oktober 2021.

Sebanyak empat pengisian Program Negara Membaca secara dalam talian telah diadakan iaitu Program Pencinta Buku, Pertandingan Famili Malaysia Membaca, Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan dan Travelog Baca.

### Program Pencinta Buku

Program Pencinta Buku telah dilaksanakan secara bersiri pada 12, 15, 26 Julai 2021 dan 14 Oktober 2021. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Panel jemputan terdiri daripada pelbagai latar belakang telah berkongsi genre bacaan, penulisan dan berkongsi tip untuk memahami dan menghasilkan bahan penulisan. Jumlah keseluruhan penyertaan bagi program ini ialah seramai 1,355 penonton semasa siaran langsung dan jumlah keseluruhan tontonan di media sosial ialah sebanyak 23,250 penonton. Senarai panel jemputan mengikut siri dan jumlah penonton adalah seperti berikut:

| Bil. | SIRI/TARIKH | PANEL JEMPUTAN | *LIVE VIEWS* | *ALL VIEWS* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Siri 1:<br>12 Julai 2021 | I. Ain Maisara (Penulis Novel Remaja)<br>II. Ahmad bin Abdul (Penulis Travelog) | 480 | 4,070 |
| 2. | Siri Ke-2:<br>15 Julai 2021 | YBrs. Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman (Pensyarah Bebas, Penulis, Penyair dan Penterjemah) | 413 | 2,840 |
| 3. | Siri Ke-3:<br>26 Julai 2021 | I. Nisah Haji Haron (Novelis)<br>II. Gina Yap Lai Yoong (Penulis) | 248 | 14,887 |
| 4. | Siri Ke-4:<br>14 Oktober 2021 | YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia | 214 | 1,453 |
| **JUMLAH** | | | **1,355** | **23,250** |

### Pertandingan Famili Malaysia Membaca

Pertandingan ini merupakan pertandingan ulasan buku yang memaparkan aktiviti membaca bersama keluarga dalam bentuk rakaman video yang kreatif antara ibu atau bapa bersama anak. Pertandingan ini telah berlangsung secara dalam talian bermula 28 Julai 2021 hingga 20 Ogos 2021. Seramai 216 keluarga telah menyertai pertandingan ini. Pemenang menerima hadiah wang tunai berserta sijil penyertaan. Senarai kedudukan pemenang adalah seperti berikut:




Poster Promosi
Program Negara Membaca:
Pertandingan Famili Malaysia Membaca

| KEDUDUKAN PEMENANG | NAMA IBU ATAU BAPA | NAMA ANAK |
|---|---|---|
| 1. | Siti Hidayana binti Nassiri | Amzar Uwais bin Md. Sabarudin |
| 2. | Husaini bin Md Rasid | Adam Hakimi bin Husaini |
| 3. | Seng Jo Ann | Lim Jayee |
| 4. | Faridah binti Mohd Tap | Muhammad bin Hamzah |
| 5. | Hood bin Mohd Akahsah | Hany binti Hood |
| 6. | Lau Seok Chin | Eron Tan |
| 7. | Nor Afiza binti Ibrahim | Aiesyah Aqilah binti Nizam |
| 8. | Kok Mun Loong | Kok Yik Lerk |

### Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan 2020

Anugerah ini diberikan oleh PNM kepada individu yang membuat pinjaman buku paling banyak sepanjang tahun 2020 dan sebagai pengiktirafan kepada pembaca yang paling banyak meminjam buku di peringkat kebangsaan.

Pencalonan anugerah ini diperoleh daripada Perpustakaan Awam Negeri seluruh Malaysia. Sebanyak lima kategori penerima anugerah ini iaitu, kategori Kanak-kanak, Remaja, Dewasa, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Peminjam Buku Kelompok (jabatan/ agensi).




Poster promosi
Anugerah Pembaca Aktif
Antarabangsa 2020

Pengumuman anugerah ini telah diadakan secara dalam talian menerusi saluran PNM TV pada 12 Ogos 2021. Seramai 248 orang telah menonton siaran rakaman anugerah ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah 1,823. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Setiap penerima anugerah diberikan wang tunai berserta sijil penghargaan sebagai dorongan dan galakan untuk terus menjadikan membaca sebagai budaya dalam kehidupan.







## Program Travelog Baca

Program Travelog Baca merupakan saluran perkongsian pengalaman, inspirasi dan aspirasi mengenai pembacaan oleh panel jemputan yang terdiri daripada tokoh pembacaan. Saluran siaran bagi program ini ialah menerusi PNM TV. Program ini dibahagikan kepada dua siri. Siri pertama telah diadakan pada 4 Oktober 2021 dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Panel jemputan bagi siri pertama ialah YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air. PNM juga turut mengundang Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mohd Mustar, pengacara bebas sebagai moderator Travelog Baca Siri 1.

Jumlah penyertaan bagi Travelog Baca Siri 1 ialah seramai 221 penonton secara langsung dan jumlah keseluruhan tontonan ialah seramai 2,191.

Siri ke-2 Travelog Baca pula telah diadakan pada 18 Oktober 2021 dan disiarkan secara langsung menerusi saluran PNM TV. Panel jemputan bagi siri ke-2 ialah YBrs. Dr. Lim Swee Tim, penyair/ penulis dan moderator pula ialah Tuan Asri bin Husin, Setiausaha Agung Persatuan Penyair Malaysia. Seramai 176 penonton secara langsung telah menyertai sesi ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah sebanyak 1,457.

## Program Sembang Ilmu

Program ini berkonsepkan bual bicara yang membincangkan kisah mengenai memupuk amalan membaca dalam kalangan ahli keluarga dan penyediaan perpustakaan keluarga. Program Sembang Ilmu telah diadakan secara dalam talian menerusi siaran langsung Facebook PNM pada 23 Februari 2021. Panel Jemputan bagi program ini adalah Puan Emelda Rosemila iaitu seorang pelakon dan model tanah air. Seramai 219 orang penonton secara langsung telah menyertai program ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah sebanyak 19,483 orang.




Poster Program Sembang Ilmu Bersama Emelda Rosemila, pelakon dan model tanah air

## Program Diskusi Minda

Program Diskusi Minda merupakan platform perkongsian amalan membaca oleh panel jemputan bersama masyarakat dan program ini diharap dapat menyuntik semangat positif dalam diri seseorang individu khususnya golongan berkeperluan khas mengenai kepentingan membaca dan penguasaan ilmu pengetahuan. Program ini telah diadakan pada 9 April 2021 dan disiarkan secara langsung melalui saluran Facebook PNM. Panel jemputan program ini ialah YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Pengarah Urusan KL Braille Resources yang merupakan peguam OKU Penglihatan pertama negara.

Selain itu beliau juga merupakan perintis Projek al-Quran Braille, Presiden Persatuan Braille Malaysia dan pemenang pingat emas sukan catur Sukan Paralimpik ASEAN 2009. Jumlah penyertaan secara langsung ialah seramai 123 orang dengan jumlah keseluruhan tontonan sebanyak 1,946 orang.




Poster Promosi Program Sembang Ilmu bersama YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Pengarah Urusan KL Braille Resources

# PEMBANGUNAN **MODAL INSAN**

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN (BPMI)

Salah satu tujuan penubuhan PNM ialah untuk memberi kepimpinan dalam pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan di seluruh negara. Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) bertanggungjawab dalam membangunkan kompetensi dan perkembangan bidang kepustakawanan kepada semua kakitangan. Selain itu, BPMI juga berperanan merancang hala tuju latihan dan menyalurkan peruntukan yang bersesuaian berdasarkan kompetensi dan kerjaya di samping memenuhi hasrat kerajaan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia Negara. Kebanyakan siri Kursus/ Latihan/ Bengkel pada 2021 telah dijalankan secara maya dengan mengamalkan kawalan kendiri dalam pematuhan SOP serta pembudayaan norma baharu dalam kehidupan.

Program Pembangunan Modal Insan ini dijalankan berdasarkan objektif seperti berikut:

1. Meningkatkan kompetensi dan produktiviti anggota dan jabatan
2. Mewujudkan nilai cipta (value–creation) dan nilai tambah (value–added) di jabatan
3. Menyediakan anggota yang berkompetensi, berhemah dan berintegriti dalam menghadapi cabaran digital
4. Membentuk nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif

## Pencapaian Sepanjang 2021

| BIL. | AKTIVITI | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelan Operasi Latihan (POL) | Kursus Fungsian<br>• 2 kali (bersemuka) – 57 peserta<br>• 16 kali (maya) – 972 peserta<br>Kursus Generik<br>• 4 kali (bersemuka) – 96 peserta<br>• 24 (maya) – 2,427 peserta | Kursus Lain-lain<br>• 17 (maya) – 1,160 peserta<br>Kursus NBOS Dalam Negara<br>• 1 (bersemuka) – 6 peserta<br>• 27 (maya) – 437 peserta<br>Kursus Luar Negara<br>• 2 (maya) -11 peserta |
| 2. | Jumalah Keseluruhan<br>i. Kursus 2021<br>ii. Peserta Kursus 2021 | • 93 kursus<br>• 5,166 orang | |
| 3. | Peperiksaan | • Peperiksaan Perkhidmatan<br>• (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred S19<br>• Bahagian III – Asas Ilmu Perpustakaan<br>• 7-8 September 2021 (21 orang calon)<br>• Peperiksaan Perkhidmatan<br>• (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred 19<br>• Bahagian IV – Teknik Asas Penyelenggaraan Perpustakaan<br>• 7 September 2021 (21 orang calon)<br>• Peperiksaan Perkhidmatan<br>• (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred 19<br>• Bahagian V - Perundangan yang berkaitan dengan perpustakaan<br>• 8 September 2021 (19 orang calon)<br>• Peperiksaan Perkhidmatan<br>• (Subjek Jabatan) bagi Penolong Pustakawan Gred S29<br>• 10 September 2021 (4 orang calon)<br>• Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Penolong Pustakawan Gred 29<br>- 14 September 2021 (6 orang calon) | |
| 4. | Latihan Industri | • 2 pelajar UiTM<br>• 1 pelajar UNISEL<br>• 2 pelajar UIAM | |
| 5. | Penempatan/ Latihan Sangkutan | • Tuan Hj. Japri Bujang Masli (Pustaka Negeri Sarawak)<br>• PTAR UiTM, Shah Alam | |
| 6. | Program Latihan Khas: Kursus Perpustakaan Desa | 7 hari kursus | |
| 7. | Latihan Khas: Kursus SPK Jabatan: ISO | 7 hari kursus | |
| 8. | Program Profesionalisme Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu | • Teh Tarik Session – 11 sesi<br>• Sembang Teh Tarik – 6 sesi | |
| 9. | Penyertaan ke Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2021 | 100 orang | |
| 10. | Penyertaan ke IFLA *World Library and Information Congress (WLIC)* 2021 | 10 orang | |

## Program Pementoran

- Program Pementoran merupakan program bersepadu yang turut disokong oleh pelaksanaan program *coaching* dan kaunseling. Ia berfokus kepada pembangunan dan peningkatan kompetensi kerja dan peribadi pegawai yang bersifat jangka panjang selain meningkatkan kemahiran dan kompetensi kerja pegawai untuk memangkin perubahan tingkah laku positif.
- Skop Program Pementoran PNM adalah berdasarkan kemahiran pengurusan kepimpinan dengan tema "Lead The Ship".
- Tujuh pasangan mentor dan 14 menti telah dipilih untuk tempoh enam bulan mulai November 2021 hingga April 2022 seperti berikut:

| BIL. | MENTOR | MENTEE |
|---|---|---|
| 1. | Encik Edy Irwan bin Zulkafli | • Cik Siti Nur Aishah binti Bohari<br>• Encik Akmal Shahmeen bin Ahamad Sabarudin |
| 2. | Puan Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid | • Puan Siti Manoriah binti Saleh<br>• Encik Muhamad Redzuan bin Ramli |
| 3. | Puan Aidatul Hasnida binti Abdul Rani | • Puan Suzilawati binti Salamat<br>• Puan Anis binti Mat Saad |
| 4. | Puan Suhaila binti Abd Rahman | • Puan Rohaizah binti Mohd Rafee<br>• Encik Mohd Hisham bin Mohd Daud |
| 5. | Encik Ali bin Rashid | • Puan Siti Zubaidah binti Ahmad<br>• Cik Jasreena binti Jamil |
| 6. | Encik Faizal Hilmie bin Yusof | • Puan Mastura binti Hussin<br>• Encik Muhammad bin Abdullah |
| 7. | Encik A Azli bin Abd. Rahim | • Puan Siti Diana binti Dahlan<br>• Cik Fatin Hazwani binti Zaini |




## Sesi Sembang Teh Tarik Istimewa




Tarikh : 30 November 2021 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Maya

Tujuan : Merupakan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan atau Continuous Professional Development (CPD) dalam memastikan pustakawan melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran profesional melalui program latihan yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi, pembelajaran berterusan dan laluan kerjaya.




## Sesi Taklimat *Subject Matter Expert (SME)* dengan kerjasama Cawangan *Special Unit For High Potential and SME (SUPREME)*, JPA




Tarikh : 1 Disember 2021

Masa : 2.30 petang

Tempat : Maya

Tujuan : Memberi peluang kepada pustakawan untuk mendapatkan maklumat lanjut serta keterangan yang jelas berhubung pelaksanaan SME dalam bidang kepustakawanan.

## Pelaksanaan Naziran Pematuhan Pengurusan Latihan di Jabatan dan Agensi Tahun 2021

Tarikh : 1 Disember 2021 (Rabu)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Aras 5, Bangunan Anjung Bestari, PNM

Wakil : Pegawai dari BPSM Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tujuan :

i. Memastikan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 (PP 6/2005) dan SPP 2/2005.

ii. Penggunaan Sistem e-Latihan secara maksimum bagi mengurus, menyelaras dan merekod latihan kakitangan PNM.




Antara kursus-kursus anjuran PNM sepanjang tahun 2021

# PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

# PRASARANA **ILMU DAN MAKLUMAT**

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA (BPPD)

### Projek Pembangunan

PNM telah mendapat satu projek bawah RMKe-11 yang masih dalam pelaksanaan seperti berikut:

**Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan, PNM (RMKe-11)**

Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan telah mula dilaksanakan pada 29 Ogos 2019 dan dijangka siap pada tahun 2022 dengan kos siling sebanyak RM12.8 juta. Projek ini merupakan projek naik taraf ruang perkhidmatan perpustakaan di Bangunan Anjung Bestari dengan menitik beratkan rekaan dalaman terkini sekaligus memberikan suasana yang lebih kondusif dan selesa kepada pengguna perpustakaan.

Projek ini masih dalam peringkat kerja-kerja pengubahsuaian dan status terkini projek sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:






Suasana projek yang sedang dijalankan

### Peruntukan Pembangunan

**Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan kepada PAN 2021**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM71,200,094.19 untuk disalurkan kepada 13 Perpustakaan Awam Negeri (PAN). Peruntukan ini disalurkan melalui dua interim iaitu Interim Pertama berjumlah RM37,250,000.00 (18 Mac 2021) dan Interim Kedua berjumlah RM33,950,094.19 (19 Julai 2021). Sebanyak RM3,299,905.81 (4.43%) telah dipersetujui melalui konsortium bersama PAN dan PNM bagi meneruskan langganan Pangkalan Data Secara Berpusat.

Langganan Pangkalan Data ini adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk memastikan ketersediaan bahan bacaan 24/7 kepada masyarakat dalam memupuk minat membaca sekaligus merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat dalam membentuk masyarakat ke arah Revolusi Industri 4.0.

### Peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2021

PNM juga telah menerima Peruntukan Belanja Mengurus Perpustakaan Desa Pembiayaan Kerajaan Persekutuan bagi penerusan perkhidmatan Perpustakaan Desa (PD) di seluruh negara sebanyak RM 42,350,000.00. Peruntukan ini melibatkan sebanyak 507 unit PD yang ditadbir urus oleh 1,153 orang petugas yang terdiri dari pelbagai gred jawatan (Penolong Pustakawan, Pembantu Pustakawan & Pembantu Operasi).

## Perpustakaan Desa (PD)

### Pemantauan ke PD

Pada tahun 2021, BPPD telah melaksanakan sebanyak 94 lawatan pemantauan dan khidmat nasihat ke PD di seluruh negara. Lawatan ini bertujuan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan PD kepada masyarakat di luar bandar. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti kerosakan bangunan di PD yang memerlukan pembaikan segera dan juga penyelenggaraan bangunan agar pengunjung PD dapat menggunakan perkhidmatan dengan selamat dan selesa.



Lawatan Pemantauan PD Kg. Senggang, Kuala Kangsar, Perak



Lawatan Pemantauan PD Kg. Amer Hilir, Besut, Terengganu



Lawatan Pemantauan PD Kg. Keruak, Jerteh, Terengganu



Lawatan Pemantauan PD Kg. Sungai Karangan, Kulim, Kedah

## Lawatan Kerja Ketua Pengarah PNM

### i. Lawatan Kerja ke Tapak Tukar Ganti Tanah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Ketua Pengarah PNM telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kuala Kangsar pada 7 Oktober 2021 bagi meninjau secara dekat kesesuaian tapak untuk pembangunan projek PNM. Lawatan ini juga turut dihadiri pegawai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, PNM, KKM, Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Perak.





Lawatan Kerja ke Tapak Tukar Ganti Tanah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

### ii. Lawatan Kerja ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Perpustakaan Desa (PD) PNM

- Lawatan Kerja ke Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) dan Perpustakaan Desa PNM di Johor

  Ketua Pengarah PNM telah berkesempatan untuk mengadakan sesi Mesyuarat Penyelarasan Bantuan Kerajaan Persekutuan kepada PAN Johor pada 24 Oktober 2021. Beliau telah berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Perpustakaan Desa Saleng, Johor Baharu, Johor untuk mendapatkan gambaran yang lebih dekat tentang PD PNM di Negeri Johor. Semasa lawatan ini beliau sempat berbincang dan bertukar-tukar pandangan bersama komuniti di Saleng Johor Baharu, Johor dalam meningkatkan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat sekitar.








Lawatan Kerja ke Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) dan Perpustakaan Desa PNM di Johor

- Lawatan Kerja ke Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dan Perpustakaan Desa di Kelantan

  Ketua Pengarah PNM telah mengadakan Lawatan Kerja dan Mesyuarat Penyelarasan Bantuan Kerajaan Persekutuan kepada PAN Kelantan pada 25 November 2021. Beliau turut berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke PD di Daerah Tumpat Kelantan semasa berada di Kelantan.

  Antara PD yang dilawati adalah PD Bunohan, PD Ketil dan PD Bechah Semak. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan input bagi menambah baik perkhidmatan PD, PNM di negeri Kelantan.



Lawatan Kerja ke Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dan Perpustakaan Desa di Kelantan

- Lawatan Kerja ke Perpustakaan Desa PNM Perak

  Ketua Pengarah PNM juga berkesempatan mengadakan Lawatan Kerja pada 7 dan 8 Oktober 2021 ke Kuala Kangsar, Perak. Beliau telah berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Perpustakaan Desa Sungai Tapah, PD Senggang dan PD RPA Sauk, Kuala Kangsar untuk mendapatkan gambaran yang lebih dekat tentang PD PNM di Negeri Perak. Semasa lawatan ini beliau sempat berbincang dan bertukar-tukar pandangan bersama wakil Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANPk) iaitu Puan Suraya binti Haji Ariffin.









# BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN (BKNP)

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan kepada organisasi yang merancang menubuhkan perpustakaan baharu atau menaik taraf perkhidmatan perpustakaan sedia ada sebagaimana yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2) (b):

"Memberikan khidmat nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan Perpustakaan di peringkat kebangsaan;"

Dan Bahagian II Seksyen 4(2) (i):

"Menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawaian kebangsaan bagi mengadakannya.".

## FUNGSI

1. Merancang dan menyediakan khidmat nasihat dan perundingan untuk penubuhan serta menaik taraf perpustakaan pada peringkat negara/serantau/antarabangsa.
2. Menyediakan khidmat perundingan untuk penubuhan dan menaik taraf perpustakaan pada peringkat negara/ serantau/ antarabangsa berdasarkan permohonan.
3. Merancang dan mengadakan Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama.
4. Merancang dan menyelaras penyediaan garis panduan dan standard berkaitan pembangunan perpustakaan di Malaysia.
5. Memantau kemajuan prestasi perkhidmatan di Perpustakaan Khusus Gunasama.

## Perpustakaan Khusus Gunasama

| KLUSTER | PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA |
|---|---|
| Kementerian/ Jabatan Persekutuan | 105 |
| Akademik (Politeknik/IPG/Kolej Matrikulasi/Kolej Komuniti) | 149 |
| Institut Latihan/ Penyelidikan | 129 |
| Mahkamah/ Perundangan | 42 |
| Perubatan/ Kesihatan (Hospital/Institut Latihan/ Institusi Kesihatan) | 53 |
| Institusi Keselamatan | 57 |
| **JUMLAH** | **535** |

## Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama

| BIL. | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | BIL. PERJAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | S54 | 1 |
| 2. | S52 | 3 |
| 3. | S48 | 9 |
| 4. | S44 | 34 |
| 5. | S41 | 132 |
| | **JUMLAH** | **179** |

| BIL. | KUMPULAN PELAKSANA | BIL. PERJAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | S38 | 2 |
| 2. | S32 | 30 |
| 3. | S29 | 177 |
| 4. | S26 | 2 |
| 5. | S22 | 93 |
| 6. | S19 | 808 |
| | **JUMLAH** | **1,112** |

Kumpulan Pengurusan Dan Profesional — **179** Perjawatan

Kumpulan Pelaksana — **1,112** Perjawatan

**JUMLAH** — **1,291** Perjawatan

## Lawatan Khidmat Nasihat, Perundingan dan Mesyuarat Tahun 2021

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Khidmat Nasihat | 30 |
| 2. | Perundingan | 4 |
| 3. | Mesyuarat | 2 |
| | **Jumlah** | **36** |




Pengurusan Kanan PNM menghadiri Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pelaksana 2021 pada 6 April 2021 di Bilik Mesyuarat Lembaga Aras 15, PNM secara bersemuka



Pegawai Kader PNM menghadiri Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2021 pada 23 September 2021 secara dalam talian

# BAHAGIAN PENYELIDIKAN (BP)

## Laporan Perangkaan Perpustakaan

Sebanyak tujuh Laporan Perangkaan Perpustakaan telah diterbitkan pada tahun 2021 mengikut kategori berikut:

i. Laporan Perangkaan Perpustakaan Negara Malaysia 2020
ii. Laporan Perangkaan Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia 2020
iii. Laporan Perangkaan Perpustakaan Awam Negeri 2020
iv. Laporan Perangkaan Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri 2020
v. Laporan Perangkaan Perpustakaan Khusus Gunasama 2020
vi. Laporan Perangkaan Perpustakaan Akademik 2020
vii. Laporan Perangkaan Perpustakaan Badan Berkanun, Agensi Swasta dan Sekolah Swasta 2020.

Manakala, dua terbitan yang diterbitkan iaitu:

i. Buku Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2020
ii. Ringkasan Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2020.

### Ringkasan Pencapaian Berbanding Sasaran Tahun 2021

| PARAMETER | SASARAN TAHUN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | % PENCAPAIAN 2021 |
|---|---|---|---|
| Keahlian PNM | 7,400 | 8,901 | 120.3 |
| Keahlian u-Pustaka | 25,700 | 66,787 | 259.9 |
| Pengunjung Fizikal | 150,000 | 17,306 | 11.5 |
| Pengguna Fizikal | 240,000 | 27,184 | 11.3 |
| Penggunaan u-Pustaka | 4,000,000 | 11,841,797 | 296.0 |
| Penggunaan Pangkalan Data | 4,721,600 | 9,515,244 | 201.5 |
| Peminjaman Bahan Fizikal | 160,000 | 101,336 | 63.3 |
| Peminjaman Bahan Pangkalan Data | 184,530 | 572,8145 | 310.4 |
| Bahan dirujuk Fizikal | 22,000 | 34,569 | 157.1 |
| Bahan dirujuk Pangkalan Data | 881,700 | 9,290,259 | 1,053.7 |

### Ringkasan Perbandingan Pencapaian Perkhidmatan PNM Tahun 2019-2021

| BIL. | PARAMETER | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Keahlian PNM | 16,598 | 7,684 | 8,901 |
| 2. | Keahlian u-Pustaka | 23,322 | 50,163 | 66,787 |
| 3. | Pengunjung Fizikal | 457,781 | 108,012 | 15,846 |
| 4. | Pengunjung Dalam Talian | 276,388 | 887,747 | 1,068,749 |
| 5. | Pengguna Fizikal | 394,800 | 88,622 | 27,184 |
| 6. | Pengguna Dalam Talian | 10,798,688 | 13,680,177 | 15,856,923 |
| 7. | Peminjaman Fizikal | 377,000 | 208,233 | 101,336 |
| 8. | Peminjaman Dalam Talian | 167,374 | 367,306 | 572,815 |
| 9. | Bahan Dirujuk Fizikal | 476,893 | 101,013 | 34,569 |
| 10. | Bahan Dirujuk Dalam Talian | 799,693 | 1,612,744 | 9,290,259 |
| 11. | Perolehan Bahan | 220,274 | 213,304 | 186,424 |
| 12. | Bahan Digitalkan (muka surat) | 1,096,405 | 215,212 | 126,981 |
| 13. | Permohonan ISBN & ISSN | 24,840 | 21,341 | 26,035 |

## Kajian Bidang Perpustakaan dan Kepustakawanan

### Kajian Penggunaan Sumber dan Perkhidmatan PNM dalam Kalangan Pengguna

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan sumber dan perkhidmatan perpustakaan dalam kalangan pengguna PNM. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti trend semasa penggunaan sumber perpustakaan dalam kalangan pengguna PNM, mengenal pasti tahap keberkesanan dan kualiti perkhidmatan PNM dalam kalangan pengguna PNM dan mengenal pasti tahap kepuasan pengguna PNM berdasarkan sumber yang terdapat di PNM. Hasil kajian mendapati 63.2% (234) responden pernah/kerap menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM secara fizikal di PNM, 40.5% (150) dalam talian di rumah, 25.1% (93) dalam talian di tempat kerja/organisasi, manakala 17.3% (64) adalah dalam talian di sekolah dan baki 7.3% (27) adalah dalam talian di tempat awam. Tujuan utama responden menggunakan sumber dan perkhidmatan PNM adalah untuk membuat rujukan/penyelidikan/menyiapkan tugasan 55.7% (206), kedua membaca buku rujukan 53.5% (198), dan ketiga membuat pinjaman, pembaharuan pinjaman dan atau untuk memulangkan bahan bacaan yang dipinjam 43.5% (161). Melalui dapatan kajian ini, diharap dapat meningkatkan minat pengguna PNM untuk terus menjadikan PNM sebagai hab ilmu dan secara tidak langsung akan dapat meningkatkan minat cintakan ilmu dalam kehidupan seharian.

# PEMBANGUNAN **KOLEKSI**

## PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA (PBN)

### Pendokumentasian

Pendokumentasian bahan merangkumi bahan terbitan yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah dikatalog untuk dihantar ke Perkhidmatan Rujukan Malaysiana sebagai bahan rujukan.

INDEKS

**10,005**

entri kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian. Ia juga termasuk artikel terbitan bersiri (majalah dan jurnal) terpilih yang diterbitkan di Malaysia.

TERBITAN BERSIRI

**340**

SUMBER ELEKTRONIK

**1,525**

judul bahan sumber elektronik

MONOGRAF

**15,394**

bahan monograf

### Perkhidmatan kepada Penerbit (PKP)

| | Perkhidmatan | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1. | Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP) | • 7,498 judul data (judul baru terbitan Malaysia)<br>• 7 penerbit baru (1 kerajaan, 5 bukan kerajaan dan 1 individu) |
| 2. | *International Standard Book Number* (ISBN) | • 25,213 nombor ISBN telah dikeluarkan<br>• 1,945 penerbit baru (407 kerajaan, 929 bukan kerajaan dan 609 individu) |
| 3. | *International Standard Serial Number* (ISSN) | 812 nombor ISSN telah dikeluarkan |

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

## Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan (KIK) Bil. 1/2021

Mesyuarat KIK telah diadakan pada 3 Ogos 2021 secara maya menggunakan Google Meet (Telesidang). PBN telah menjadi urus setia Mesyuarat Pasukan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) bagi Projek Pembangunan u-Pustaka sebagai Hab Maklumat Negara Projek ICT RM ke-11 (RP2).

- Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 112 ahli mesyuarat. Mereka terdiri daripada wakil kepada 74 perpustakaan yang telah menjadi ahli KIK. Bengkel Penggunaan Sistem KIK Versi 2.0 Siri 1/2021 telah diadakan secara dalam talian pada 7 hingga 9 April 2021.
- Latihan penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan Versi 2.0 Siri 2/2021 telah diadakan pada 17 hingga 19 Ogos 2021 secara dalam talian.

Sistem Katalog Induk Kebangsaan Versi 2.0 menawarkan pelbagai keistimewaan dalam menyediakan capaian rekod bibliografik dalam kalangan perpustakaan konsortium dan perkongsian sumber dalam kalangan rakyat Malaysia.

Keistimewaan yang terdapat dalam Sistem Katalog Induk Kebangsaan Versi 2.0 adalah *auto-harvesting* rekod katalog, *institutional repository* ahli konsortium, pemantapan modul *interlibrary loan* dan *document delivery*, *web cataloguing*, *copy cataloguing* daripada sumber luar dan ketersediaan bahan perpustakaan terkini daripada 147 perpustakaan konsortium.

## Bengkel *Resource Description & Access* (RDA)/ Pendokumentasian dalam dan luar jabatan.

Bengkel ini bertujuan untuk memastikan pembinaan rekod pengkatalogan yang dihasilkan mengikut standard antarabangsa. Berikut merupakan sesi/ bengkel RDA dan pendokumentasian yang telah dikendalikan oleh Pegawai PBN sepanjang tahun 2021.

| BIL. | NAMA BENGKEL | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel Bimbingan Peperiksaan Perkhidmata (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Pustakawan Gred S19 | Dalam talian | 24 Ogos 2021 |
| 2. | Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan untuk kakitangan Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan | Dalam talian | 25 - 26 Ogos 2021 |
| 3. | Latihan Sangkut PTAR UiTM di PNM | Dalam talian | 13 - 15 September 2021 |
| 4. | Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan dan Sistem Perpustakaan (KOHA) | Dalam talian | 28 September 2021 |
| 5. | Bengkel DDC | Dalam talian | 4-6 Oktober 2021 |
| 6. | Bengkel RDA | Dalam talian | 12-14 Oktober 2021 |
| 7. | Bengkel LCSH | Dalam talian | 20-22 Oktober |

# PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA (PPTN)

Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN), PNM melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertanggungjawab memastikan penerbit menyerahkan lima naskhah bahan bercetak dan dua unit bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia kepada PNM. Bahan-bahan ini akan disimpan, dipelihara seterusnya dijadikan sebagai Koleksi Negara dan Khazanah Warisan Intelek Negara.

Pada tahun 2021 sebanyak 22,103 judul/ 132,242 naskhah bahan telah diterima di bawah Akta 331. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13,655 judul merupakan judul baharu yang diterima di bawah Akta 331 dan didaftarkan sebagai Koleksi Negara. Penghantaran bahan Koleksi Negara ke Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Sabah (PPLKN-S) di Perpustakaan Negeri Sabah adalah sebanyak 15,108 naskhah.

### Pembangunan Sistem Depositori PNM

Sistem Depositori PNM telah siap dibangunkan pada 21 Disember 2020 dan mula beroperasi pada 25 Januari 2021. Sistem Depositori menyediakan perkhidmatan kepada penerbit bagi memudahkan serahan bahan digital secara dalam talian sebagai pematuhan kepada Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Sistem ini berupaya menerima dan menyimpan bahan digital pelbagai format seperti Pdf., ePub, geotiff, mp3, mp4, png, dan jpg. Sistem ini juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan kandungan bahan dan hak cipta digital (Digital Right Management).

## Aktiviti Pusat Penyerahan Terbitan Negara

### Pengesanan dan Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Berikutan pandemik COVID-19 pada tahun 2021, PPTN telah melaksanakan perubahan dari sudut aktiviti pengesanan, taklimat dan promosi Akta 331 kepada penerbit seluruh Malaysia. Taklimat bersemuka hanya dijalankan berdasarkan permohonan dari agensi luar yang membuat permohonan serta mengikut S.O.P yang berkuat kuasa dari Majlis Keselamatan Negara. Aktiviti promosi Akta 331 juga telah dipergiatkan secara maya, poster promosi melalui media sosial PNM dan siaran radio.

Aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Kekerapan |
|---|---|---|
| 1. | i) Taklimat bersemuka<br>ii) Taklimat secara maya | 10 kali<br>6 kali |
| 2. | Promosi poster secara maya melalui media sosial rasmi PNM: | 4 poster (16,046 penonton) |




Pelancaran Sistem Depositori PNM oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Sistem ini juga dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada penerbit secara dalam talian yang meliputi modul seperti berikut:

i. Modul Pendaftaran Penerbit

ii. Modul Permohonan *International Standard Book Number* (ISBN)

iii. Modul Permohonan *International Standard Serial Number* (ISSN)

iv. Modul Pengkatalogan dalam Penerbitan (PdP)

Sehingga kini sebanyak 8,221 bahan *digital bond* telah diterima melalui Sistem Depositori. Sebanyak 4,500 penerbit telah mendaftar di dalam Sistem Depositori PNM yang melibatkan 21,505 permohonan ISBN, 880 permohonan ISSN dan 8,848 permohonan PdP. Sistem Depositori PNM telah dilancarkan dengan rasminya oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada 29 Jun 2021 bersempena program Bicara Penerbit Malaysia 2021.

### Program Bicara Penerbit Malaysia



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



Ucapan YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM sempena Program Bicara Penerbit Malaysia

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya secara langsung menerusi platform PNM TV *Channel* dan Zoom Meeting pada 29 Jun 2021 bertemakan 'Sistem Depositori Lambang Pengukuhan Khazanah Intelek Negara`. Program ini merupakan acara dwi tahunan sempena kesedaran kepentingan serahan bahan di bawah Akta 331 dalam usaha membina dan memperkukuhkan Koleksi Negara sebagai Khazanah Warisan Intelek Negara.

Antara pengisian program ini adalah:

- Sesi taklimat dan demonstrasi Sistem Depositori oleh Puan Amy Zurina binti Abdullah, Penolong Pengarah PBN dan Cik Fatin Hazwani binti Zaini, Penolong Pengarah PPTN.
- Sesi ceramah bertajuk "Keselamatan Hak cipta Penerbitan Terhadap Bahan Born Digital" oleh Encik Noor Aliff bin Musa dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan "Amalan dan Praktis Pemuliharaan Bahan Bon Digital" oleh YBrs. Dr. Hj. Saiful Farik bin Mat Yatin, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Perdana.

## Garis Panduan Penyerahan Bahan Perpustakaan

Garis Panduan Penyerahan Bahan Perpustakaan disediakan bagi tujuan menyediakan panduan dan kemudahan rujukan penerbit mematuhi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) khususnya serahan bahan Born Digital melalui Sistem Depositori PNM. Garis panduan ini telah diedarkan kepada penerbit kerajaan melalui Surat Pekeliling Am Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 2/2021: Garis Panduan Penyerahan Bahan Perpustakaan yang Diterbitkan oleh Agensi Sektor Awam bagi Mematuhi Keperluan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertarikh 22 September 2021. Garis panduan ini juga boleh diakses melalui laman sesawang Sistem Depositori PNM iaitu https://depositori.pnm.gov.my.

## Perintah Penyerahan Bahan Perpustakaan (Pindaan Jadual 1) 2021 – Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

PNM menerusi Ketua Pengarah yang dilantik di bawah Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972, mempunyai kuasa dan tanggungjawab terhadap pelaksanaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Akta ini mewajibkan penerbit menyerahkan bahan yang diterbitkan dalam negara kepada PNM melalui PPTN.

Sebagai langkah peningkatan dan pemantapan tadbir urus pelaksanaan Akta 331, PNM telah melaksanakan pengemaskinian Perintah Penyerahan Bahan Perpustakaan (Pindaan Jadual 1) Akta 331. Pindaan Jadual 1 ini telah diluluskan oleh YB. Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan telah diwartakan pada 8 Oktober 2021.

Sebagai pemakluman kepada semua penerbit di Malaysia, Surat Pekeliling Am Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 3/2021: Perintah Penyerahan Bahan Perpustakaan (Pindaan Jadual 1) 2021 – Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah diedarkan kepada semua penerbit kerajaan dan swasta bertarikh 7 Disember 2021.



Taklimat dan Promosi Akta 331 oleh Puan Jamiliana binti Jamil di Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT)



Taklimat dan Promosi Akta 331 oleh Puan Jamiliana binti Jamil di Yayasan Islam Terengganu



Taklimat dan Promosi Akta 331 oleh Puan Jamiliana binti Jamil di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang



Taklimat dan Promosi Akta 331 oleh Puan Jamiliana binti Jamil di Pejabat Kesenian Dan Kebudayaan Negeri Terengganu

# BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI (BPK)

## Perolehan Bahan Bacaan

PNM menerusi Bahagian Pembinaan Koleksi (BPK) terus beriltizam memantapkan koleksi maklumat negara agar sentiasa komprehensif melalui perolehan sumber perpustakaan secara pembelian, hadiah dan pertukaran. Pada tahun 2021, jumlah kumulatif koleksi PNM yang diperoleh melalui pembelian adalah 60,262 naskhah/ unit manakala perolehan hadiah dan pertukaran sebanyak 23,855 naskhah.

Di samping perolehan bahan bacaan untuk PNM, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa (PD) seluruh Malaysia bagi menggalakkan masyarakat luar bandar memperkayakan ilmu pengetahuan di samping mengimbangi jurang literasi maklumat dengan masyarakat bandar. Pada tahun 2021, sebanyak 95,533 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh bagi keperluan PD.

PNM juga memperoleh bahan bacaan sebanyak 276 naskhah untuk enam Kedutaan Malaysia di London, Washington, Jakarta, Wellington, Tokyo dan New Delhi serta 98 naskhah bagi Pusat Sumber Malaysia di Ohio.

### Perolehan Koleksi PNM

Perolehan bahan fizikal PNM dilaksanakan melalui pembelian, hadiah dan pertukaran yang merangkumi koleksi monograf, terbitan bersiri, sumber media, e-book, koleksi peribadi dan nadir serta Manuskrip Melayu.

### Koleksi Monograf

- Buku/ monograf merupakan karya atau hasil penulisan yang diedarkan kepada umum termasuk buku bercetak atau dalam apa saja bentuk. Monograf Malaysiana adalah buku yang diterbitkan di Malaysia atau mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh diterbitkan.
- Monograf Bukan Malaysiana ialah buku yang diterbitkan di luar Malaysia yang tiada kaitan dengan Malaysia atau bukan dihasilkan oleh warganegara Malaysia tetapi memenuhi keperluan pembaca.

Sepanjang tahun 2021, pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh melalui proses pembelian serta sumbangan/ hadiah dari dalam dan luar negara. Jumlah terperinci seperti di bawah:

| Kaedah Perolehan | Malaysiana | Bukan Malaysiana | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Pembelian | 2,224 judul/ 10,984 naskhah | 2,044 judul/ 4,181 naskhah | 4,268 judul/ 15,165 naskhah |
| Hadiah/ Pertukaran | 3,760 judul/ 21,894 naskhah | 1,957 judul/ 1,961 naskhah | 5,717 judul/ 23,855 naskhah |

### Terbitan Bersiri

Sebanyak 7,526 naskhah terbitan bersiri telah diperoleh melalui pembelian sepanjang tahun 2021 yang meliputi majalah dan jurnal terbitan dalam negara sebanyak 20 judul/ 508 naskhah dan terbitan luar negara sebanyak 29 judul/ 276 naskhah manakala surat khabar sebanyak 15 judul/ 6,742 naskhah.

### Sumber Media dan Elektronik

Sumber elektronik merujuk kepada bahan-bahan dalam format elektronik atau digital yang memerlukan akses melalui komputer, sama ada melalui komputer peribadi atau peranti mudah alih. Ia boleh diakses melalui internet atau dalam premis. Sebanyak 76 judul/ 76 unit telah diperoleh pada tahun 2021.

### Buku Elektronik (e-Book)

Sebanyak 37,077 judul buku elektronik (e-book) telah diperoleh melalui langganan pangkalan data iaitu e-Lib, Overdrive, Me Books, Ookbee Buffet, Reading RAZ Kids, ODILO e-books dan Sage Knowledge (Sage e-books).

### Koleksi Khas (Koleksi Peribadi & Nadir)

Koleksi Peribadi dan Nadir dikategorikan sebagai Koleksi Khas. Pada tahun 2021, PNM telah memperoleh sebanyak 418 item bahan koleksi peribadi dan nadir iaitu Koleksi Sasterawan Negara (SN) Dato' Dr. Hj. Ahmad Khamal bin Abdullah, Allahyarham Tan Sri Omar bin Mohamad Hashim, Allahyarham Dr. Harun bin Mat Piah serta YBrs. Dr. Muhammad Pauzi bin Abd Latif bagi Koleksi Nadir.

### Langganan Pangkalan Data

Sebanyak 17 Pangkalan Data telah dilanggan untuk PNM dan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) iaitu:

1. Bernama Library and Infolink Services (BLIS)
2. EBSCO Premier Public Library
3. Lawnet
4. Library of Congress Classification Web (LOC)
5. Me Books
6. Overdrive
7. PressReader
8. RDA Toolkit
9. Web Dewey Online
10. Ookbee Buffet
11. Reading RAZ Kids
12. i-Learn Ace
13. OCLC Connexion
14. J-Gate
15. ODILO e-Books
16. Sage Knowledge (Sage e-books)
17. e-lib

## Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Perolehan bahan bacaan untuk koleksi 507 Perpustakaan Desa PNM di seluruh Malaysia dilaksanakan melalui Rundingan Terus (RT) dan Dana Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan. Sebanyak 209 judul/ 95,533 naskhah bahan bacaan telah diperoleh meliputi pelbagai disiplin ilmu.

### Perolehan Bahan Bacaan untuk Kedutaan dan Pusat Sumber Malaysia

Sebanyak 46 judul/276 naskhah bahan bacaan diperoleh untuk enam Kedutaan Malaysia di London, Washington, Jakarta, Wellington, Tokyo dan New Delhi serta 98 judul/98 naskhah bahan bacaan bagi Pusat Sumber Malaysia di Ohio.

# BAHAGIAN PEMULIHARAAN (BP)

Bahagian Pemuliharaan bertanggungjawab bagi memastikan koleksi sumber perpustakaan sentiasa kekal terpelihara dan terpulihara.

## Aktiviti Utama yang Dilaksanakan

### Pemuliharaan Bahan Manuskrip Melayu.

Sebanyak 1,064 helai Manuskrip Melayu telah berjaya dibaik pulih melalui aktiviti pelapisan dan pembaikan tisu (bagi bahan berdakwat luntur), proses 'leaf-casting' (bagi bahan dakwat tidak luntur), penyahasidan melalui teknik basah dan kering, 'scoring', 'trimming' bahan, penyemakan dan penyusunan muka surat mengikut susunan asal sepanjang tahun 2021. Unit yang dianggotai oleh empat (4) orang Pembantu Pemuliharaan mencapai 106.4% daripada sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

### Pemuliharaan Bahan Nadir dan Koleksi Peribadi

Aktiviti bermula dengan proses pewasapan bahan, penyahasidan, ujian kelunturan dakwat, pembaikan serat kertas menggunakan 'crompton tissue', penggunaan 'mylar' untuk peta dan gambar, pembaikan menggunakan 'mesin hardbed press', proses trimming sehingga ke proses penjilidan. Unit yang dianggotai oleh empat (4) orang Pembantu Pemuliharaan ini telah berjaya melaksanakan proses baik pulih Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi sebanyak 5,751 muka surat bersamaan dengan 91.7% daripada sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

### Penjilidan dan Tinta

Aktiviti yang terlibat dalam Unit Jilidan adalah proses menjilid dan meninta bahan. Unit ini telah berjaya menjilid sebanyak 1,139 naskhah dan meninta 1,390 naskhah. Pencapaian ini bersamaan dengan 108.4% (penjilidan) dan 132.4% (tinta) daripada sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

### Pemantauan dan Pemeliharaan Koleksi

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam memantau secara langsung bagi memastikan ruang simpanan bahan berada dalam keadaan baik dan kondusif. Proses pemantauan ini menumpukan kepada aktiviti berikut:

a) Bacaan suhu dan kelembapan
b) Peralatan kawalan persekitaran – Dehumidifier dan Thermohydrograph/hygrometer
c) Keadaan fizikal koleksi
d) Keadaan kabinet penyimpanan/ kompaktus / rak
e) Kebersihan ruang simpanan bahan
f) Cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan

## Lawatan Pemantauan

Sepanjang tahun 2021, bahagian ini telah melaksanakan 10 lawatan pemantauan koleksi jabatan dan setiap sesi lawatan melibatkan 11 lokasi simpanan bahan bercetak dan lima lokasi simpanan tidak bercetak. Lawatan pemantauan bagi bahan bercetak dilaksanakan empat kali setahun iaitu pada Mac, Jun, September dan Disember manakala lawatan pemantauan bagi bahan bukan bercetak dilaksanakan enam kali setahun iaitu pada Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember. Pemantauan ini beroleh 100% pencapaian bagi SKT tahunan dan objektif kualiti MS ISO 9001:2015.

## Aktiviti dan Program:

i) Dr. Buku: Demonstrasi Penggunaan *Mending Tape* melalui saluran PNM TV pada 8 April 2021.



Dr. Buku Demonstrasi Penggunaan *Mending Tape*

ii) Promosi Dr. Buku: Pemuliharaan Manuskrip Melayu dan Nadir sempena lawatan YB Timbalan Menteri MOTAC pada 14 September 2021.



Promosi Dr. Buku: Pemuliharaan Manuskrip Melayu dan Nadir

iii) Demonstrasi Dr. Buku di Majlis Rumah Terbuka Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di MATIC pada 13 November 2021





Demonstrasi Dr. Buku di Majlis Rumah Terbuka Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di MATIC

iv) Bengkel Pemuliharaan dan Jilidan Bahan (bersemuka) di PNM pada 1 – 3 November 2021





Bengkel Pemuliharaan dan Jilidan Bahan (bersemuka) di PNM

## Latihan Pemeliharaan dan Pemuliharaan

| BIL. | LATIHAN/KURSUS | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Bengkel Penjilidan dan Pembaikan Ringan | 21 April 2021 |
| 2. | Pengenalan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bahan kepada kakitangan baharu PNM | 12 Julai 2021 |
| 3. | Bengkel Penataran Manuskrip Melayu (Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi Manuskrip Melayu) | 2 Ogos 2021 |
| 4. | Kursus Pustakawan untuk Jabatan Syariah WP (Pengenalan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Koleksi) | 26 Ogos 2021 |
| 5. | Taklimat Asas Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bahan kepada warga JKKN | 27 September 2021 |
| 6. | Latihan sangkut (attachment) Tuan Haji Japri Bujang Masli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Sarawak | 6 Oktober 2021 |
| 7. | Dr. Buku: Demonstrasi Pemeliharaan Manuskrip Melayu sempena Minggu Budaya Malaysia (Siaran Langsung di ASWARA) | 26 Oktober 2021. |
| 8. | Bengkel Pemuliharaan dan Jilidan Bahan (bersemuka) di PNM | 1 November 2021 – 3 November 2021 |
| 9. | Pengenalan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bahan kepada kakitangan baharu PNM (Pen. Pustakawan S29) | 10 November 2021 |

## Lawatan

Lawatan dan khidmat nasihat bersama En Roslan (Arkib) telah dijalankan bagi peralatan *Dehumidifier* untuk Koleksi Nadir dan Peribadi di aras 10 dan Bilik Stek bertingkat di Menara PNM pada 3 Mac 2021.





Staf PNM berbincang bersama En. Roslan mengenai kegunaan peralatan Dehumidifier untuk Koleksi Nadir dan Peribadi

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

# PERHKHIDMATAN **RUJUKAN DAN MAKLUMAT**

## PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA (PRMLN)

### Prestasi dan Pencapaian

Pusat Rujukan Malaysiana berfungsi untuk menyediakan rujukan bahan yang terdiri daripada sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia. Bahan Malaysiana merangkumi sumber perpustakaan yang diterbitkan tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu bab atau 10% daripada keseluruhan teks.

Perkhidmatan Rujukan Luar Negara telah ditempatkan sementara di Aras 8, Menara PNM kerana perkhidmatan ditutup di bangunan Anjung Bestari bagi memberi laluan kepada projek ubah suai dan pemusatan dijalankan. Memandangkan ruang yang disediakan agak terhad, bilangan rak bahan juga terpaksa dikurangkan untuk mengimbangi keluasan ruang. Hanya bahan-bahan rujukan dari tahun 2019 sehingga yang terkini sahaja dipamerkan di rak untuk rujukan pengguna.

Pada tahun 2021, sebanyak 9,953 Koleksi Rujukan Malaysiana dan 76 Koleksi Luar Negara telah dirujuk oleh pengguna. Sejumlah 6,970 pertanyaan rujukan (Malaysiana) dan 33 pertanyaan Rujukan Luar Negara diterima dan dijawab serta 1,103 permohonan bahan (Malaysiana) diterima daripada pengguna. Jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini, terdapat penurunan dari segi pencapaian statistik yang dicatatkan bagi tahun 2021 berikutan perkhidmatan rujukan yang ditutup kepada pengguna hampir enam bulan disebabkan kesan daripada pandemik COVID-19.

### Program/ Aktiviti

Program/ aktiviti yang dilaksanakan adalah berbentuk hibrid dan disiarkan secara langsung di PNM TV *Channel* seperti berikut:

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PRMLN



## Program Anjuran Pusat Rujukan Malaysiana bagi Tahun 2021

### Kalam Karyawan – Dari Kertas Catatan Tengah Malam

**14 Jun 2021**

Program ini menampilkan Sasterawan Negara ke-12 iaitu YBhg. Dato' Baharuddin bin Zainal atau lebih dikenali dengan nama Baha Zain.

Pada sesi temubual ini, YBhg. Dato' Baha Zain berkongsi pengalaman beliau sebagai penulis ketika mula berkecimpung dalam dunia penulisan.




### Semarak Merdeka @PNM 2021 – COVID-19: Merdekakah Kita

**30 Ogos 2021**

Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan pada setiap tahun, PNM tidak ketinggalan mengadakan program ilmiah untuk orang awam. Program Semarak Merdeka yang telah diadakan ini mengetengahkan seorang 'frontliners' yang bertugas sebagai Inspektor Penjara iaitu Tuan Abdul Karim bin Tarmizi. Beliau telah berkongsi kepada penonton bagaimana berharganya sebuah kemerdekaan dan kebebasan di musim pendemik ini.

Beliau turut berkongsi pengalaman ketika beliau dijangkiti COVID-19 dan bagaimana berertinya sebuah kemerdekaan dan kebebasan apabila beliau akhirnya bebas daripada jangkitan virus tersebut.







### Bicara Hari Malaysia – Merdeka Dihargai, Sejarah Dilestari

**15 September 21**

Kita semua sedia maklum bahawa Hari Malaysia merupakan hari ulang tahun penggabungan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Bagi memeriahkan sambutan sempena tarikh ini, PNM telah menganjurkan satu program untuk terus memperingati dan menyambut hari Penubuhan Malaysia. Panel yang dijemput adalah YBrs. Dr. Mardiana Nordin, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Pada sesi ini, Dr Mardiana telah mengupas topik-topik menarik berkaitan penubuhan Malaysia dan bagaimanakah kita perlu menghargai sebuah perpaduan.







## Bengkel Bahasa Melayu untuk Expatriat (Siri I & II)

**18 Ogos dan 23 Oktober 2021**

Penganjuran Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu oleh PNM kali ini merupakan penganjuran kali ke-7 kepada warga asing yang menetap di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu dalam kalangan warganegara asing.

Program ini turut menyokong industri pelancongan negara dengan memberi latihan yang bersesuaian seperti meningkatkan kebolehan berkomunikasi dalam bahasa Melayu di samping menyemarak Sambutan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan (GDBK) yang merupakan acara tahunan negara.




## Semarak Pantun

**7 Oktober 2021**

Pada 17 Disember 2020, Pantun telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Negara dalam kategori Senarai Wakil Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan. Program Semarak Pantun ini merupakan kesinambungan kepada pengiktirafan tersebut.

Penggiat Lagu-lagu Rakyat iaitu Saudara Roslan Madun dijemput untuk mengupas dengan lebih lanjut serta memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pantun Melayu.

## Program Anjuran Unit Rujukan Luar Negara Tahun 2021

### Round Table Talk: “Resilience: Turning Stress &. Anxiety Into Positive Energy”.

**5 April 2021**

Program ‘Round Table’ merupakan kesinambungan program berbentuk intelektual, yang dianjurkan oleh PNM sebagai pusat kecemerlangan sumber maklumat negara melalui perkhidmatan perpustakaan dan maklumat untuk menyokong pendidikan sepanjang hayat bagi memenuhi keperluan masyarakat bermaklumat dan berilmu.

Program ‘Round Table’ telah membawakan YBrs. Encik Azran Osman-Rani, pengasas bersama selaku Ketua Pegawai Eksekutif Naluri Hidup Sdn. Bhd. (Naluri). Beliau juga merupakan bekas CEO AirAsia X.







### Bicara Intelektual I: Cabaran Kepimpinan Mendepani Masa Bergolak dan Solusinya.

**22 Julai 2021**

Program yang dilaksanakan secara bersiri pada setiap tahun ini mengekalkan konsep sedia ada iaitu ceramah oleh tokoh yang telah dikenalpasti.

Tokoh yang diundang ialah YBrs. Profesor Dr. Mohd Hassan bin Mohd Osman (Profesor dan Dekan di Fakulti Perniagaan dan Teknologi, Universiti Antarabangsa UNITAR).




### Bicara Intelektual II: Jati Diri Keluarga Malaysia dalam Era Pandemik.

**21 Oktober 2021**

Bicara Intelektual II telah mengetengahkan pakar yang memberi impak dalam pembangunan negara bangsa sekaligus mewujudkan kesedaran dan kepekaan masyarakat terhadap isu semasa negara.

Tokoh yang diundang ialah YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal bin Kling yang merupakan pakar rujuk sejarah dan kenegaraan serta mantan penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, (2018-2020).

# PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU (PKMM)

## Program/Aktiviti

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti berbentuk kesedaran semasa, program akademik dan separa akademik dengan mengambil kira kepelbagaian golongan sasar pada tahun 2021. Penganjuran program dan aktiviti ini bermatlamat untuk menyemarak dan melestarikan manuskrip Melayu di samping meningkatkan kecintaan masyarakat Malaysia terhadap manuskrip Melayu yang juga merupakan warisan khazanah negara.



### Wacana Manuskrip Melayu Bil.1/2021 - Hukum Kanun dan Undang-undang Laut Melaka sebagai Asas Perlembagaan Malaysia

Pada 7 April 2021, bertempat di aras 10 Menara PNM telah diadakan Program Wacana Manuskrip Melayu Bil. 1/2021. YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain dari Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS), Universiti Malaysia Pahang telah dijemput menyampaikan ceramah yang bertajuk "Hukum Kanun dan Undang-undang Laut Melaka sebagai Asas Perlembagaan Malaysia".



YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain sedang menyampaikan ceramah beliau

### Pameran Manuskrip Melayu sempena Majlis Pelancaran Buku Budi Asas Tamadun dan Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya

Pada 12 April 2021 telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Buku Budi Asas Tamadun dan Pameran Jawi Jiwa Bangsa, Seni Tonggak Budaya anjuran Pejabat Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah diadakan di Pusat Pelancongan Malaysia, MaTic, Jalan Ampang Kuala Lumpur. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB. Tan Sri Haji Muhyiddin bin Yassin dan turut dihadiri oleh YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim. PNM telah dijemput untuk mengadakan pameran bertemakan Jawi dengan mengetengahkan Koleksi Manuskrip Melayu. Antara koleksi manuskrip yang dipamerkan ialah koleksi yang telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO Memory of the World Register iaitu Hikayat Hang Tuah, Cerita Panji dan Replika Batu Bersurat Terengganu.

## Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021 - Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu telah melaksanakan Program Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021 bertajuk Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu secara dalam talian pada 5 Jun 2021. Penceramah yang diundang adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Encik Naseer bin Sobree, Pengerusi Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN). Wacana ini dianjurkan bertujuan membincangkan kepentingan manuskrip Melayu dalam pembangunan sosiobudaya masyarakat serta menyebar luas dapatan kajian dan penyelidikan serta membina jaringan kerjasama antara PNM dengan institusi serta penyelidik.




Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2021 bersiaran secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV

## Ceramah Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya

Pada 9 Julai 2021, PKMM telah melaksanakan Program Ceramah "Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaya" yang merupakan kesinambungan daripada Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021. Ceramah ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan disiarkan secara dalam talian menerusi saluran PNM TV.




Ceramah Seksologi dalam Kitab Ubat-ubatan Koleksi Manuskrip Universiti Malaysia

## Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2021- Manuskrip Ilmu Falak Sebagai Gambaran Kearifan Bangsa

Wacana Manuskrip Melayu Bil. 3/2021 bertemakan "Manuskrip Ilmu Falak Sebagai Gambaran Kearifan Bangsa" telah diadakan secara dalam talian pada 23 September 2021 bertujuan mempromosikan kepada khalayak berkenaan kekayaan warisan ilmu yang terkandung dalam tradisi penulisan manuskrip Melayu termasuklah dalam bidang Ilmu Falak dan Kosmologi. Menerusi wacana ini, peserta dihidangkan dengan pelbagai maklumat baharu berkenaan tradisi penulisan Ilmu Falak oleh bangsa Melayu sejak ratusan tahun dahulu.




Wacana Manuskrip Melayu Bil.3/2021 bertemakan Manuskrip Ilmu Falak sebagai gambaran kearifan bangsa

Turut dibincangkan adalah perbezaan takrifan di antara Ilmu Kosmologi, Astronomi, Astrologi dan Ilmu Falak itu sendiri yang mana setiap satu takrifan itu mempunyai pengkhususannya yang tersendiri dalam mewarnai Ilmu Kosmologi secara amnya. Program disiarkan secara dalam talian menerusi saluran PNM TV.




## Pertandingan Bacaan Naskhah Lama (Baca Manuskrip)

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menganjurkan Minggu Budaya Malaysia 2021 pada 25 - 30 Oktober 2021. Program ini merupakan salah satu usaha awal bagi menterjemahkan strategi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). PNM sebagai sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya turut terlibat menjayakan program ini dan salah satunya adalah Pertandingan Bacaan Naskhah Lama (Baca Manuskrip) yang dianjurkan oleh PKMM. Pertandingan ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat daripada pelbagai peringkat umur mengenai Manuskrip Melayu serta ilmu yang terakam di dalamnya serta meningkatkan kemahiran membaca tulisan Jawi yang juga merupakan khazanah warisan negara. Seramai 143 orang telah menyertai pertandingan ini.

## Bicara Tokoh Manuskrip Melayu: Warisan Intelektual Silam

PKMM turut menjalankan beberapa program lain sempena Minggu Budaya Malaysia 2022 iaitu "Bicara Manuskrip Melayu: Warisan Intelektual Silam" oleh YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Muhamad Zarif, Profesor Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu, PNM bagi tahun 2020/2022. Menerusi program ini, YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Muhamad Zarif telah mengupas mengenai manuskrip Melayu daripada pelbagai perspektif. Program ini diadakan secara langsung di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)



Bicara Tokoh Manuskrip Melayu: Warisan Intelektual Silam bersama YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Manuksrip Melayu, PKMM bersama pengacara ASWARA



## Bicara Cerita Panji

Bicara Cerita Panji yang telah diadakan pada 26 Oktober 2021 bertempat di ASWARA merupakan salah satu pengisian program Minggu Budaya Malaysia 2021. Program ini telah dijayakan oleh YBrs. Dr. Noriah Mohamed, pakar rujuk Cerita Panji. Beliau telah mengupas secara terperinci mengenai naskhah Cerita Panji yang juga merupakan salah satu naskhah Manuskrip Melayu Koleksi PNM yang telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO *Memory of the World Register* pada tahun 2017.

Bicara Cerita Panji oleh YBrs. Dr. Noriah Mohamed, pakar rujuk Cerita Panji



Para pengunjung diberi penerangan mengenai Koleksi Manuskrip Melayu yang dipamerkan sempena Majlis Pelancaran DAKEN

## Pameran Koleksi Manuskrip Melayu Sempena Majlis Pelancaran Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN)

PKMM telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya bertempat di Kompleks Kraf, Jalan Conlay, Kuala Lumpur bersempena Majlis Pelancaran DAKEN 2021 pada 26 Oktober 2021. Pameran ini juga turut disertai oleh Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Koleksi Manuskrip Melayu yang dipamerkan oleh PKMM meliputi koleksi-koleksi manuskrip yang telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO Memory of the World Register pada tahun 2001 dan 2017 iaitu Hikayat Hang Tuah (MSS 1713) dan Cerita Panji (MSS 94).



Pengunjung sedang melihat koleksi Hikayat Hang Tuah (MSS 1713) yang dipamerkan sempena Majlis Pelancaran DAKEN

# BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK (BSE)

Bahagian Sumber Elektronik (BSE) bertanggungjawab menyediakan dan mempromosikan perkhidmatan pangkalan data yang terdapat di portal u-Pustaka kepada semua pengguna PNM. Bahagian ini juga berperanan menyediakan statistik pangkalan data secara berkala. Sepanjang tahun 2021, capaian kepada perkhidmatan pangkalan data adalah amat menggalakkan di mana ia telah mencatatkan sebanyak 9,515,244 penggunaan.

## Pencapaian Perkhidmatan Pangkalan Data

**Jumlah**

- Penggunaan : 9,515,244
- Bahan dirujuk: 9,290,259
- Bahan dipinjam: 572,815

**Kategori 01 (E-Pembelajaran)**

- Penggunaan : 449,895
- Bahan dirujuk : 449,895

**Kategori 02 (E-Surat Khabar)**

- Penggunaan : 790,245
- Bahan dirujuk : 246,577

**Kategori 04 (E-Buku)**

- Penggunaan : 8,173,244
- Bahan dirujuk : 8,452,854
- Bahan dipinjam: 572,815

**Kategori 03 (E-Jurnal/Artikel)**

- Penggunaan : 101,860
- Bahan dirujuk : 140,933
- Bahan dipinjam: 463

Bahagian ini turut memberikan perkhidmatan audio dan *video on demand*, Koleksi Audio Visual, Koleksi Orang Kurang Upaya (OKU) dan perisian *Virtual Reality* (VR) dan *Augmented Reality* (AR) . Bahagian ini juga berfungsi menyediakan rakaman video dan foto untuk keseluruhan urusan rasmi jabatan.

Aktiviti promosi
**Sesi latihan penggunaan perkhidmatan pangkalan data dalam talian**

| 25 | 4,840 |
|---|---|
| sesi | peserta |

Kuiz Jenayah Siber (secara atas talian)
**Pameran Maya Jenayah Siber**

| 1 | 1,418 |
|---|---|
| sesi | peserta |

Aktiviti promosi
**Minggu Digital@ PNM 2021**

| 4 | 2,927 |
|---|---|
| sesi | peserta |

Aktiviti promosi
**Pameran Maya Jenayah Siber**

| 1 | 878 |
|---|---|
| pameran | peserta |




Poster Pameran Maya& Kuiz Jenayah Siber sempena Minggu Digital@PNM 2021

# Program & Aktiviti

## Minggu Digital@PNM 2021

Minggu Digital@PNM 2021 bertemakan isu jenayah siber yang berkaitan kecurian dan penyalahgunaan data peribadi masyarakat. Isu jenayah siber melibatkan kecurian dan penyalahgunaan data peribadi dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dan berleluasa. Program Minggu Digital@ PNM 2021 telah diadakan selama dua hari pada 21 dan 22 September 2021 di saluran PNM TV.

Berikut merupakan pengisian Minggu Digital@ PNM 2021:

- Perkongsian Ilmu Digital - perkongsian ilmu ini menampilkan seorang ahli panel daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang berpengalaman dalam bidang jenayah siber.




Perkongsian Ilmu Digital bersama Encik Muhammad Amirul Hafiz Rosly daripada SKMM




Celik Maklumat Jenayah Siber bersama Encik Yazid bin Ibrahim

- Aktiviti Literasi Media dan Maklumat - diadakan untuk memberi pendedahan mengenai teknik dan kemahiran mengenal pasti maklumat dan sumber rujukan, mencari, menilai, mengurus, menyebar dan menggunakan maklumat dengan beretika.
- Informasi Digital@u-Pustaka - membicarakan secara santai berkaitan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang disediakan oleh PNM melalui Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM (u-Pustaka) seperti e-suratkhabar, e-buku dan portal e-pembelajaran.
- Kuiz Digital dan Pameran Maya - dilaksanakan secara dalam talian untuk tempoh selama sebulan. Soalan kuiz adalah berdasarkan Pameran Maya Jenayah Siber yang boleh diakses menerusi portal rasmi PNM dan saluran PNM TV.



Informasi Digital @ u-Pustaka oleh pembekal pangkalan data PressReader




Informasi Digital @ u-Pustaka oleh pembekal pangkalan data SageKnowledge

## Latihan Pangkalan Data




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data J-GATE pada 10 Mac 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data ODILO pada 17 Mac 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data Overdrive pada 24 Mac 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data Tutor Infiniti pada 7 April 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data Sage Knowledge pada 14 April 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data Raz Kids pada 28 April 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data ALKEM pada 9 Jun 2021




Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data BLIS pada 28 Julai 2021



Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data e-LAW pada 30 September 2021



Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data i-LEARN Ace pada 7 Julai 2021



Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data EBSCOHOST pada 3 Jun 2021



Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data LAWNET pada 19 Ogos 2021







Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data ME BOOKS pada 14 Julai 2021







Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data PNM E-Lib pada 4 Ogos 2021






Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021 Siri 2: Latihan pangkalan data Ookbee BUFFET pada 3 November 2021

pressreader™



Eksplorasi Sumber Digital @ u-Pustaka 2021: Latihan pangkalan data PRESSREADER pada 17 November 20

# PERPUSTAKAAN **CAWANGAN & KOMUNITI**

## BAHAGIAN PINJAMAN (BPjm)

Sejajar dengan usaha PNM dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu pengetahuan, bahagian ini sentiasa memastikan perkhidmatan pinjaman buku yang disediakan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak adalah berkualiti dan terkini. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan selaras dengan usaha membudayakan tabiat membaca, BPjm lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan pelbagai aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan yang lebih menarik dengan menerapkan elemen media interaktif dan penggunaan gajet terkini. Usaha ini adalah selaras dengan falsafah PNM iaitu bagi membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

### Fungsi

Fungsi utama BPjm adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar iaitu dari golongan dewasa dan kanak-kanak dengan cekap dan berkesan ke arah membina masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

**Bahagian Pinjaman terbahagi kepada 4 unit iaitu:**

- *i* Unit Pinjaman Dewasa
- *ii* Unit Kanak- kanak
- *iii* Unit Pinjaman Berkelompok
- *iv* Unit Perpustakaan Komuniti

### Perkhidmatan Pinjaman

BPjm menyediakan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan kepada pengguna dengan menawarkan perkhidmatan Pinjaman Dewasa, Pinjaman Kanak-kanak, Pinjaman Berkelompok dan Pinjaman di Perpustakaan Komuniti.

Sepanjang tahun 2021, jumlah pinjaman daripada pengguna adalah sebanyak 108,975 naskhah yang mana pecahannya adalah seperti berikut:

| UNIT | PINJAMAN (NASKHAH) | PEMULANGAN (NASKHAH) | TEMPAHAN (NASKHAH) |
|---|---|---|---|
| Pinjaman Dewasa | 19,387 | 20,721 | 30 |
| Pinjaman Kanak-kanak | 6,244 | 6,642 | - |
| Pinjaman Berkelompok | 75,219 | 41,432 | - |
| Perpustakaan Komuniti | 8,125 | 5,591 | - |
| **JUMLAH** | **108,975** | **74,386** | **30** |

## Keahlian Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan kepada institusi/ jabatan yang tidak mempunyai atau kekurangan peruntukan untuk perolehan koleksi bahan bacaan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan, persatuan, institusi, jabatan, kementerian, syarikat swasta, sekolah dan institut pengajian tinggi dalam usaha mereka menyediakan kemudahan membaca serta memupuk minat membaca dalam kalangan orang ramai.

Sehingga Disember 2021, keahlian Pinjaman Berkelompok telah meningkat kepada **710 ahli**. Pertambahan ahli pada tahun 2021 adalah sebanyak **20 institusi**.

## Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu kepada masyarakat dalam pembangunan negara, PNM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat masyarakat tempatan antaranya adalah dengan penubuhan Perpustakaan Komuniti.

Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar. Selain itu, perpustakaan komuniti juga menggalakkan dan memupuk amalan budaya membaca dengan membawa bahan-bahan bacaan dekat dengan masyarakat setempat di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Sehingga tahun 2021 jumlah perpustakaan komuniti PNM adalah sebanyak empat buah iaitu:

- i Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)
- ii Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)
- iii Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)
- iv Perpustakaan Buku2U@ Radia Bukit Jelutong

## Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Pinjaman telah melaksanakan aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan dengan kerjasama agensi – agensi luar seperti Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY), Pustaka Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Malaysian Book Publishers Association (MABOPA) dan banyak lagi.

Sebanyak 64 aktiviti galakan membaca telah diadakan secara dalam talian yang melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Pecahan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

| 1 | 3 | 60 |
|---|---|---|
| Aktiviti Skala Besar | Aktiviti Skala Sederhana | Aktiviti Skala kecil |

### Skala Besar

***International Storytelling Festival Malaysia* (ISFM)**

*International Storytelling Festival Malaysia* 2021 (ISFM) merupakan program yang julung kalinya diadakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui PNM dengan kerjasama badan kerajaan, swasta, Persatuan Bukan Kerajaan (NGO), institusi dan orang perseorangan.

Bagi memastikan penganjuran program bertaraf antarabangsa ini mencapai matlamatnya, PNM telah menjalinkan kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Pustaka Negeri Sarawak dan Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja (MBBY). Program ini telah dijalankan pada 24 hingga 28 Ogos 2021.

Program ISFM telah berjaya mengetengahkan seramai 12 orang pencerita luar negara dan pencerita tempatan yang terkemuka di dalam slot bercerita. Di samping itu beberapa slot bengkel turut diadakan dengan penampilan panel-panel terkenal dan pakar dalam aspek penceritaan dan pertandingan bercerita peringkat kebangsaan juga turut diadakan di sepanjang program ISFM. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah pengunjung secara maya seramai 14,568 orang.

### Skala Sederhana

BPjm telah berjaya menjalankan dua bengkel secara dalam talian iaitu Bengkel Fun & Easy Math dan Bengkel Jom Bijak Fikir dengan Kad ASK (Attitude, Skill & Knowledge) yang mana kedua-dua bengkel ini dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan dalam subjek Matematik dan kemahiran penggunaan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat.




## Koleksi

Pada tahun 2021, jumlah koleksi di BPjm (Pinjaman Dewasa, Pinjaman Kanak-kanak dan Pinjaman Kelompok) telah meningkat kepada 928,069 naskhah. Koleksi di Perpustakaan Komuniti turut meningkat kepada 98,997 naskhah. Ini menjadikan jumlah koleksi pinjaman PNM kepada 1,020,091 naskhah pada tahun 2021. Pecahan peningkatan koleksi ini adalah seperti berikut:

**Statistik Peningkatan Koleksi Tahun 2021**

| Unit | Jumlah |
| --- | --- |
| Unit Pinjaman Dewasa | 3,167 naskhah penerimaan |
| Unit Pinjaman Berkelompok | 1,426 naskhah penerimaan |
| Unit Pinjaman Kanak-kanak | 1,785 naskhah penerimaan |
| Perpustakaan Komuniti | 8,445 naskhah penerimaan |
| Jumlah | 14,823 naskhah penerimaan |

## Aktiviti/Program yang Dijalankan dalam Talian untuk Galakan Membaca dan Galak Guna Perpustakaan















# PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS (PPANPs)

## Pencapaian Perkhidmatan PPANPs

Berikut adalah jumlah aktiviti dan khalayak yang menyertai program dan aktiviti di setiap rangkaian perpustakaan, PPANPs pada tahun 2021 yang memfokuskan kepada golongan bayi dan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, IPT, penjawat awam, keluarga/ komuniti dan golongan berkeperluan khas. Walaupun pandemik COVID-19 tidak mengizinkan aktiviti diadakan secara fizikal, namun usaha telah dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti secara dalam talian.

| BIL. | PERPUSTAKAAN | AKTIVITI DALAMAN | | AKTIVITI LUAR | | KUMULATIF AKTIVITI | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BIL. | PESERTA (ORANG) | BIL. | PESERTA (ORANG) | BIL. | PESERTA (ORANG) |
| 1. | Negeri | 48 | 41,567 | 145 | 50,627 | 193 | 92,194 |
| 2. | Perpustakaan Kanak - kanak | 14 | 353 | 23 | 6,719 | 37 | 7,072 |
| 3. | Perpustakaan Cawangan ( 3 buah) | 42 | 754 | 329 | 14,198 | 371 | 14,952 |
| 4. | Perpustakaan Desa (36 buah) | 411 | 6,372 | 3,336 | 94,358 | 3,747 | 100,730 |
| 5. | Perpustakaan Bergerak | 0 | 0 | 31 | 858 | 31 | 858 |
| 6. | Perpustakaan Pekan & Komuniti UTC Perlis | 35 | 611 | 204 | 5,789 | 239 | 6,400 |
| | **JUMLAH** | **550** | **49,657** | **4,068** | **172,549** | **4,618** | **222,206** |

## Kategori Perpustakaan

Rangkaian perkhidmatan perpustakaan di seluruh negeri Perlis telah disediakan bagi menjadikan perpustakaan sebagai tempat untuk masyarakat melakukan aktiviti riadah, kebudayaan dan pembelajaran sepanjang hayat melalui penubuhan Perpustakaan Cawangan, Pekan, Komuniti, Desa dan Perpustakaan Bergerak untuk memberikan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat terutama di luar bandar. Pecahan perpustakaan di bawah pentadbiran PPANPs mengikut jenis rangkaian perkhidmatan adalah seperti dalam rajah.



Perpustakaan Negeri
1



Perpustakaan Cawangan
3



Perpustakaan Bergerak
3



Perpustakaan Pekan
1



Perpustakaan Desa
36



Perpustakaan Komuniti
1

**JUMLAH 45**

## Perjawatan

PPANPs ditadbir oleh Pengarah, Pustakawan S41/S44 dengan dibantu oleh 27 kakitangan sokongan dan 73 kakitangan kontrak dan 12 orang personal MyStep. Jumlah kakitangan keseluruhan ialah sebanyak 115 orang. Perpustakaan Awam Negeri Perlis merupakan salah satu bahagian di bawah tadbir urus PNM iaitu Bahagian Perpustakaan Cawangan dan Komuniti. Sehingga kini terdapat 3 kekosongan jawatan tetap bagi Pembantu Pustakawan S22, Pemandu H11 dan Pembantu Operasi N11/N14 serta kekosongan bagi jawatan N11 (Kontrak Negeri) dan kekosongan S19 dan N11 di Perpustakaan Desa.

## Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli

Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan di Negeri Perlis dan juga sekolah-sekolah. Disebabkan kekangan kesan pandemik COVID-19, hanya dua siri promosi perkhidmatan berjaya dilaksanakan iaitu:

| BIL. | Tarikh | Program | TEMPAT | PENGISIAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 12 Julai 2021 | Bual Bicara PKP 3.0 : Peranan Perpustakaan dalam Mempromosi Perkhidmatan dan Aktiviti Kepada Masyarakat | Google Meet | Mempromosi Perkhidmatan dan Aktiviti Kepada Masyarakat |
| 2. | 16 November 2021 | Promosi Perkhidmatan Perpustakaan Awam Negeri Perlis sempena Konvensyen Digital Negeri Perlis | Webinar SUK Negeri Perlis & FB Live SUK Negeri Perlis | Mempromosi Perkhidmatan dan Aktiviti Kepada Masyarakat |

## Latihan dan Khidmat Nasihat

Selaras dengan fungsinya juga, PPANPs turut terlibat dalam menyediakan bengkel serta latihan kepada jabatan atau organisasi yang berkeperluan. Berikut merupakan senarai sesi latihan yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021:

| BIL. | TARIKH | PROGRAM | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | 10 Mac 2021 | Program Motivasi " Bekerja Sepenuh Hati, Bekerja Separuh Hati, Bekerja Sakit Hati" | FB Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 2. | 31 Mac 2021 | Seminar Buku Rekod Perkhidmatan | Zoom Meeting |
| 3. | 7 April 2021 | Bengkel Literasi Maklumat | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |
| 4. | 10 April 21 | Bengkel Teater Kanak-kanak | Auditorium PPANPs |
| 5. | 16 April 21 | Bengkel TOT : Google Form | Bilik Hipermedia PPANPs |
| 6. | 22 April 21 | Bengkel e-Pembelajaran dalam Talian Untuk Pelajar : Modul Ibubapa | Bilik Hipermedia PPANPs |
| 7. | 30 Jun 21 | Webinar Teknikal Penulisan Kkreatif | Webex UiTM |
| 8. | 2 Ogos – 4 November 21 | *Video Tutorial Smart Study* Siri 1 - 16 | PPANPS (Dalam talian) |
| 9. | 1 Disember 2021 | Bengkel Asas Rujukan, Petikan dan Literasi Maklunat | PPANPS (Dalam talian) |
| 10. | 3 Disember 2021 | Bengkel Target A+ dan Bengkel U-Pustaka sempena Karnival Pusat Sumber | PPANPS (Dalam talian) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | 6 Disember 2021 | Bengkel Host & Moderator | PPANPs |
| 12. | 9 – 10 Disember 2021 | Program Literasi Maklumat Pengkarya Muda bersama Editor Dewan Bahasa dan Pustaka (Kategori Sekolah Rendah) sempena SKP | Google Meet |
| 13. | 19 Disember 2021 | Program DIY Hidroponik | PPANPs |
| 14. | 21 Disember 2021 | Webinar Moderator Profesional : 10 Rahsia Tenang mengawal program bersama Dai sempena SKP | Youtube |
| 15. | Disember 2021 | Tutorial i-Learn Ace sempena SKP | Facebook |
| 16. | Disember 2022 | Webinar Maklumat di Hujung Jari : Semudah 1,2 dan 3 | Facebook Live |

## Program Pembangunan Sumber Manusia

Sebanyak 61 program dalam talian dan fizikal berkaitan pembangunan sumber manusia telah dihadiri oleh kakitangan PPANPs sepanjang tahun 2021 dengan matlamat membangunkan dan meningkatkan kompetensi pegawai.

### Lawatan

PPANPs turut menerima tiga lawatan berpandu dan rasmi dalam dan luar negeri. Dalam sesi lawatan ini, pegawai dan peserta dibawa melawat bahagian dan unit di perpustakaan, penerangan tentang perkhidmatan serta aktiviti perpustakaan dan sesi percambahan minda.

| BIL. | TARIKH | JABATAN / ORGANISASI | JUMLAH (orang) |
|---|---|---|---|
| 1 | 9 November 2021 | Lawatan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya | 4 |
| 2 | 18 November 2021 | Lawatan Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti , PNM | 1 |
| 3 | 15 Disember 2021 | Lawatan Kontekstual IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang | 16 |

# BAHAGIAN **RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN (BRSP)**

## PERKHIDMATAN u-PUSTAKA

u-Pustaka menyediakan perkhidmatan perpustakaan dalam talian yang dapat diakses oleh seluruh rakyat Malaysia pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja melalui portal u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my. Pelbagai kandungan digital secara dalam talian seperti e-buku, e-majalah, e-jurnal dan lain-lain lagi ditawarkan di portal ini bagi memudahkan pengguna meminjam buku tanpa perlu lagi ke perpustakaan.

Pada tahun 2021, akses kepada 52 juta kandungan digital dari 22 pangkalan data komersial yang turut merangkumi 81,238 naskhah e buku dan 4,964 naskhah e-majalah ditawarkan di portal ini.

Di bawah perkhidmatan ini pengguna juga boleh meminjam buku fizikal di 12 buah perpustakaan konsortium iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM), Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (PPAK), Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANs), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP), Pustaka Negeri Sarawak (PUSTAKA), Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL), Perpustakaan INTAN Bukit Kiara dan Perpustakaan Negeri Sabah (PNS).

### FUNGSI

- Mengurus tadbir perkhidmatan u-Pustaka dan memantau operasi perkhidmatan ini di peringkat jabatan dan kebangsaan serta mengurus mesyuarat – mesyuarat dan latihan berkaitan
- Mengurus perolehan penyenggaraan bagi sistem u-Pustaka, sistem RFID jabatan dan langganan sistem bersepadu (ILS) jabatan
- Merancang dan memantau pangkalan data, modul serta sistem perpustakaan bersepadu (ILS) jabatan dan memantau aksesibiliti pangkalan data yang dilanggan
- Merancang dan memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal dan latihan berkaitan ILS, sistem RFID serta aplikasi lain berkaitan perpustakaan
- Menjalankan R & D kepada sistem perpustakaan dan sistem yang berkaitan

### Pencapaian Perkhidmatan u-Pustaka pada tahun 2021



# KHIDMAT NASIHAT & PEMBANGUNAN SISTEM KOHA

Pada tahun 2021, sebanyak enam agensi telah mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan sistem perpustakaan bersepadu KOHA seperti berikut:

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

- Jabatan Warisan Negara
- Bahagian Makmal Forensik PDRM
- Hospital Selayang
- Kompas International College
- Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sungai Buloh
- Akademi Kastam Diraja Malaysia

## Pembangunan Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA

Selain daripada itu, BRSP juga telah membantu membangunkan Sistem KOHA untuk 20 Perpustakaan Desa di Zon Utara seperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1 | Perpustakaan Desa Bukit Mat Inson |
| 2 | Perpustakaan Desa Pekan Naka |
| 3 | Perpustakaan Desa Kampung Raja |
| 4 | Perpustakaan Desa Kampung Dato' Sanusi |
| 5 | Perpustakaan Desa Kampung Yooi |
| 6 | Perpustakaan Desa Kampung Sungai Udang |
| 7 | Perpustakaan Desa Labu Besar |
| 8 | Perpustakaan Desa Kurnia Jaya |
| 9 | Perpustakaan Desa Masjid Pantai Edau |
| 10 | Perpustakaan Desa Batu Bertangkup |
| 11 | Perpustakaan Desa Kampong Bongkok |
| 12 | Perpustakaan Desa Kampung Titi Tok Bandar |
| 13 | Perpustakaan Desa Kampung Peladang |
| 14 | Perpustakaan Desa Kampung Bongor Kudong |
| 15 | Perpustakaan Desa Guar Gajah |
| 16 | Perpustakaan Desa Kampung Mengkuang Titi |
| 17 | Perpustakaan Desa Kampung Permatang Pauh |
| 18 | Perpustakaan Desa Taman Koskam |
| 19 | Perpustakaan Desa Kampung Titi Teras |
| 20 | Perpustakaan Desa Sungai Pinang |

# AKTIVITI PROMOSI DAN LATIHAN PERKHIDMATAN u-PUSTAKA

Pada tahun 2021, sebanyak 125 aktiviti promosi bagi perkhidmatan u-Pustaka telah dilaksanakan dengan kerjasama Perpustakaan Konsortium u-Pustaka. Selain daripada itu, PNM juga telah melaksanakan aktiviti promosi perkhidmatan ini secara dalam talian menerusi saluran media sosial Facebook Live, Zoom, Google Meet dan lain-lain saluran media. Perincian aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Kementerian/ Jabatan | Institut Pengajian Tinggi | Sekolah | Karnival/ Lain-Lain |
|---|---|---|---|
| 21 | 17 | 15 | 72 |

**JUMLAH 125**

## Aktiviti Promosi u-Pustaka sepanjang Tahun 2021




Majlis Sambutan 10 Tahun u-Pustaka Pada 31 Mac 2021.




Jom Kenali u-Pustaka pada 18 Mac 2021.




Webinar Program Redah Sumber: "Anda Guna Anda Dapat" pada 9 April 2021.




Program Resensi e-Buku Bersama Najwa Latif Pada 10 April 2021.




Kursus Kemahiran Mencari Maklumat dan Perpustakaan Digital pada 8 Jun 2021.




Program Resensi e-Buku Bersama Encik Zarawi Ravi Abdullah Pada 1 Julai 2021.




Program Santai Tapi Sampai pada 9 Ogos 2021.




Webinar Pengawas Pusat Sumber Dinamik pada 18 Julai 2021.




Pertandingan Cabaran TikTok 10 Tahun u-Pustaka.

# BAHAGIAN **KANDUNGAN DIGITAL (BKD)**

Bahagian Kandungan Digital (BKD) telah diwujudkan pada tahun 2013 berdasarkan penstrukturan semula Jabatan. Bahagian ini bertanggungjawab membangunkan kandungan digital jabatan dan melaksanakan pendigitalan bagi koleksi perpustakaan terpilih.

## AKTIVITI PENDIGITALAN

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan merupakan salah satu usaha berterusan untuk memelihara khazanah warisan negara dan menyediakan akses kepada sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

## SISTEM REPOSITORI DIGITAL@ PNM (*MYREPOSITORI*)

MyRepositori merupakan satu platform yang mengumpulkan koleksi yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia sebagai khazanah digital negara dalam pelbagai format digital bagi memastikannya dapat diakses tanpa sempadan dengan menggunakan teknologi terkini.

Pengguna boleh melayari kandungan digital tersebut di https://upnih.pnm.gov.my/myrepo-public/welcome. Pengguna boleh mendapat akses paparan penuh (full text) di dalam premis PNM dengan menggunakan wi-fi yang disediakan. Bagi pengguna yang berada di luar premis PNM hanya mendapat paparan *preview* sebanyak 10 muka surat pertama sahaja.

### Koleksi Digital *MyRepositori*

Sehingga kini, sebanyak 49,996 judul (2,088,432 muka surat) koleksi perpustakaan telah dimuat naik ke dalam sistem *MyRepositori*. Koleksi perpustakaan yang telah dimuat naik untuk paparan pengguna pada tahun 2021 ialah sebanyak 1,823 judul (258,954 muka surat) seperti berikut:

| KOLEKSI | 2021 | | KUMULATIF 2019-2021 | |
|---|---|---|---|---|
| | JUDUL | MUKA SURAT | JUDUL | MUKA SURAT |
| Projek Pendigitalan bagi RMK-11 (2018-2019) | - | - | 47,705 | 1,782,326 |
| Projek Pendigitalan Khidmat Luar 2020 | 1,035 | 156,106 | 1,501 | 202,706 |
| Projek Pendigitalan Khidmat Luar 2021 | 226 | 41,210 | 226 | 41,210 |
| Migrasi | 536 | 56,445 | 536 | 56,445 |
| Pendigitalan Dalaman | 23 | 5,086 | 23 | 5,086 |
| Perkongsian bahan digital (Agensi Luar) | 3 | 107 | 5 | 659 |
| **Jumlah** | **1,823** | **258,954** | **49,996** | **2,088,432** |

## Perkongsian platform *MyRepositori*

(i) PNM amat menggalakkan perkongsian sumber maklumat melalui kerjasama dengan agensi yang memerlukan platform digital. Inisiatif ini adalah sebagai satu usaha bagi memastikan sumber digital koleksi jabatan atau institusi dapat disampaikan kepada pengguna dengan lebih berkesan dan pertindihan sumber maklumat digital dapat dielakkan.

(ii) PNM telah mensasarkan sekurang-kurangnya dua agensi untuk berkongsi bahan digital terbitan masing-masing di platform sistem *MyRepositori*. Pada tahun 2021, Jabatan Warisan Negara dan Kolej Universiti Geomatika telah berkongsi sumber digital dengan butiran seperti berikut:

GEOMATIKA UNIVERSITY COLLEGE

**9** judul **77** muka surat

Jabatan Warisan Negara

**2** judul **552** muka surat

# PENDIGITALAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Pendigitalan Bahan Perpustakaan oleh BKD bagi tahun 2021 telah melalui proses pemilihan bahan oleh Jawatankuasa Pemilihan Bahan dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah PNM. Kriteria pemilihan bahan adalah mengikut Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan

| JENIS BAHAN | JUDUL | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Koleksi Jabatan | | |
| (a) Koleksi Peribadi | 41 | 6003 |
| (b) Buku Nadir | 310 | 66,661 |
| (c) Manuskrip Melayu | 333 | 50585 |
| (d) Pempakejan Maklumat | 11 | 3,732 |
| **JUMLAH** | **695** | **126,981** |

## Pencapaian Pendigitalan Kumulatif

Pencapaian pendigitalan kumulatif koleksi perpustakaan sehingga tahun 2021 adalah seperti berikut:

**KAEDAH PENDIGITALAN (Dalaman)**

**57,771** judul **1,900,151** muka surat

**KAEDAH PENDIGITALAN (Khidmat luar)**

**10,641** judul **2,000,634** muka surat

JUMLAH JUDUL **68,412**

JUMLAH MUKA SURAT **3,900,785**

**Nota: Pencapaian pendigitalan kumulatif pendigitalan koleksi perpustakaan adalah mulai tahun 2002 - Disember 2021.*

## Kiosk Digital PNM

PNM telah membangunkan Kiosk Digital@ PNM yang menggunakan konsep mobiliti bagi memudahkan akses bahan digital seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Melalui mobiliti akses ini, pengguna boleh mengakses koleksi bahan digital ini dengan menggunakan dua kaedah iaitu melalui skrin sentuh Kiosk dan melalui telefon pintar (menggunakan wi-fi Kiosk yang disediakan). Kiosk Digital ditempatkan di Aras 10 dan Aras 11 Menara PNM bagi rujukan pembaca. Paparan format koleksi digital adalah dalam bentuk flipping book, menggunakan perisian baharu iaitu FlipCreator. Kiosk Digital@PNM sering digunakan dalam program luar jabatan bagi mempromosi kandungan Digital PNM di samping menarik minat orang ramai mengenali koleksi warisan intelek negara yang unik seperti Manuskrip Melayu, Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi.

## Perkhidmatan *e-Book Beacon Zone*

Perkhidmatan *e-Book Beacon Zone* yang dilaksanakan mulai 2019 melalui fasiliti *Smart Tourism* membolehkan pengguna mengakses dan memuat turun bahan bacaan percuma dalam pelbagai genre khususnya berkaitan pelancongan di Malaysia dan pembacaan umum dalam bentuk digital ke telefon pintar peribadi mereka.

Perkhidmatan ini boleh diakses di 11 lokasi tumpuan rakyat dan pelancong iaitu di Pasar Seni, KL City Walk, KL Bird Park, Masjid Putra, Melaka River Cruise, Muzium Negara, Kompleks Kraf, Stesen Sentral Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Institut Jantung Negara (IJN) dan Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

### Analisis Penggunaan Perkhidmatan *e-Book Beacon Zone*

Analisis statistik mendapati terdapat jurang yang besar penggunaan perkhidmatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 18 Mac 2020 hingga 28 Jun 2021. Kekangan pergerakan akibat pandemik COVID-19 menyebabkan penggunaan perkhidmatan *e-Book Beacon Zone* tidak dapat diakses oleh pengguna di 11 lokasi yang menyediakan perkhidmatan ini. Pada tahun 2020, penurunan dapat dilihat di semua lokasi kecuali di Institut Jantung Negara (IJN). Manakala, pada tahun 2021 lokasi di Melaka River Cruise menunjukkan peningkatan berbanding lokasi lain.




Trend Penggunaan Perkhidmatan e-Book Beacon Zone mengikut lokasi tahun 2020-2021

Purata penggunaan *e-Book Beacon Zone* bagi keseluruhan lokasi adalah sebanyak 298 lokasi. Lokasi perkhidmatan di Melaka River Cruise telah menyumbang sebanyak 60% dari keseluruhan 11 lokasi. Carta pencapaian statistik seperti di bawah:




## *Asean Digital Library* (ADL)

PNM turut terlibat dalam perkongsian koleksi digital menerusi portal Perpustakaan Digital ASEAN (ADL) iaitu sebuah projek serantau bagi perkongsian sumber digital dalam kalangan negara-negara ASEAN berkaitan warisan, seni dan budaya. Perkongsian menerusi portal ADL ini memudahkan perkongsian bahan secara setempat bagi bahan-bahan berkaitan negara serantau.

PNM telah menyumbang sebanyak 1,208 rekod metadata yang terdiri daripada Koleksi Manuskrip Melayu, Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi yang boleh diakses melalui Repositori Digital PNM yang dilanggan bersama portal ADL.

Mulai tahun 2021, serahan sebanyak 100 rekod metadata koleksi digital telah menggunakan pautan sistem baharu iaitu *MyRepositori*.

Pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh Bahagian Kandungan Digital bagi memastikan koleksi khazanah warisan negara dapat di akses secara global dan sentiasa tersedia dalam format digital, seterusnya dapat memulihara khazanah negara untuk rujukan generasi akan datang.

# BAHAGIAN **PENGURUSAN PROJEK DIGITAL (PMO)**

## PORTAL *VSHARE*

Portal *VShare* menjadi platform utama sumber rujukan maklumat Jabatan dalam kalangan warga PNM. Objektif pembangunan portal *VShare* PNM adalah untuk membolehkan perkongsian pelbagai jenis maklumat, memelihara maklumat intelektual jabatan, meningkatkan budaya perkongisan ilmu dan mewujudkan sistem repositori ilmu secara berpusat.

Sejak pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, penggunaan portal *VShare* dalam kalangan warga PNM telah meningkat. Warga PNM kini menjadikan portal *VShare* sebagai medium untuk menyimpan dan mengakses maklumat dengan cepat dan mudah. Penambahbaikan portal *VShare* melalui pelaksanaan *Active Directory* (AD) di komputer warga PNM membolehkan kebenaran akses di komputer terus kepada portal *VShare*.

### Penggunaan Portal *VShare*

| TAHUN | DOKUMEN | FOTO |
|---|---|---|
| 2018 | 4,234 | 2,953 |
| 2019 | 5,474 | 4,336 |
| 2020 | 6,978 | 5,103 |
| 2021 | 18,508 | 18,869 |
| **PENGGUNAAN** | **2,534,344** | |

Kumulatif Dokumen dan Foto Portal *VShare* (2018-2021)

### Penambahbaikan Modul *VShare*

Pelaksanaan penambahbaikan Modul *VShare* pada tahun 2021 ialah Modul Tempahan Kenderaan, Modul Wikipedia dan Modul Pengurusan Kaunter Perkhidmatan.

### Aktiviti Pasukan Pengurusan Pengetahuan PNM

Sepanjang 2021 pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan *VShare* dalam kalangan kakitangan PNM antaranya:

(i) "Pengguna Aktif *VShare*" setiap bulan melalui hebahan e-mel kepada warga PNM.

(ii) Sudut KM secara maya diwujudkan pada Mac 2021.

(iii) Hari KM2U pada 22 Jun 2021.

(iv) Taklimat penggunaan Modul Tempahan Kenderaan kepada pegawai KM Bahagian pada 2 September 2021.

(v) Sudut KM sempena sambutan Minggu Digital PNM pada 23 dan 24 September 2021.













Antara pengguna aktif VShare PNM




# PROGRAM *TECHNOLOGY TALK & UPDATE*

## *Technology Talk & Update Siri I: Transformation & Opportunies in The New Normal*

Program *Technology Talk & Update* Siri I telah dilaksanakan secara maya melalui PNM TV *Channel* pada 23 Jun 2021 dengan tema *Transformation & Oppportunies in The New Normal*. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada semua pustakawan dan pengurus maklumat di Malaysia agar bersedia dalam menghadapi cabaran dan mengambil peluang atas situasi pandemik COVID-19 pada masa ini dan pada masa akan datang khususnya dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan digital

## *Technology Talk & Update Siri II: Harnessing the Power of Technology for a Better Future*

Program *Technology Talk & Update* Siri II dengan tema *Harnessing the Power of Technology for a Better Future* juga telah dilaksanakan secara maya melalui saluran PNM TV pada 5 Oktober 2021. Program ini merupakan platform kepada pustakawan dan pengurus maklumat di Malaysia untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyedia dan memberi perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan perkembangan teknologi terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.




Pengacara Program *Technoogy Talk & Update* Siri II

| BIL. | PROGRAM | TARIKH | JENIS PROGRAM | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *Technology Talk & Update Siri I: Transformation & Opportunies in The New Normal* | 23 Jun 2021 | Maya (PNM TV *Channel*) | 836 |
| 2 | *Technology Talk & Update Siri II: Harnessing the Power of Technology for a Better Future* | 5 Oktober 2021 | Maya (PNM TV *Channel*) | 300 |




Penceramah: Encik Aidil Hidayat bin Rosli
Tajuk: *IoT for Library: In the Face of the Pandemic*
Program: *Technology Talk & Update* Siri I




Penceramah: Encik Helmi Iskandar bin Suito
Tajuk: *Applying VR and Open Source Mobile Apps Technology in the library: My Story*
Program: *Technology Talk & Update* Siri II




Penceramah: Encik Mohd Shukri bin Muhammad
Tajuk: *Making Our Life Easier with 4IR*
Porgram: *Technology Talk & Update* Siri II




Sesi Produk Highlight oleh Syarikat Digital Dagang
Program: *Technology Talk & Update* Siri I




Sesi Produk Highlight oleh Syarikat PDS Consulting Sdn Bhd
Program: *Technology Talk & Update* Siri II




Maklum balas peserta program

**Statistik Tontonan Live Program *Technology Talk & Update Siri I***

*Live views* 522

*Like* 522

*All views* 3,656

*Impressions* 3,656

**Statistik Tontonan Live Program *Technology Talk & Update Siri II***

*Live views* 119

*Like* 62

*Impressions* 1,212

*Live chat* 193

*Shares* 65

*Comments* 2

Budaya Membaca

*Bacalah bacalah mari membaca*

*Jadikan membaca budaya kita*

(lirik lagu budaya membaca)



# SISTEM PENGURUSAN KUALITI

# SISTEM PENGURUSAN **KUALITI (SPK) DAN INOVASI**

Jabatan telah melaksanakan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 bermula dari 26 – 27 Ogos 2021 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. secara dalam talian melalui aplikasi Zoom. Juruaudit dari SIRIM QAS terdiri daripada Puan Noridah binti Yahya sebagai Ketua Pasukan Audit, Puan Mariam binti Mohamad Zin dan Puan Asiyah binti Haron.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, PNM dan telah dihadiri oleh Barisan Pengurusan Kanan, Jawatankuasa ISO Jabatan dan juga wakil bahagian yang terlibat.






Mutiara Kata

*Bacalah!*

*Kerana Membaca adalah satu kebijaksanaan.*

*Kerana pemikiran adalah sumber kuasa*



# PUSPANITA

# AKTIVITI **TAHUNAN 2021**




Poster Bual Bicara "Meneroka Artifak Semasa Pendudukan Jepun Bersama Purbawan". Program ini diadakan secara dalam talian semasa tempoh PKP




Senamrobik telah diadakan pada 21 Jun 2021 dalam talian semasa tempoh PKP dan para peserta melakukan aktiviti ini di kediaman masing-masing




Senamrobik telah diadakan pada 25 September 2021 secara dalam talian semasa tempoh PKP dan para peserta turut serta dari kediaman masing-masing




Program Ceramah agama bersama Ustazah Muzayyanah dengan tajuk Puasa Pendosa: Terakhirkah buatku?




Demo Masakan *Chicken Wrap* bersama Chef Nat



Lawatan ke Kraftangan sempena Warna Warni Aidilfitri 2021



Sumbangan kepada mangsa banjir daripada KSU mewakili PUSPANITA MOTAC kepada KP PNM



Pasukan bowling mewakili PUSPANITA PNM



Kempen derma darah

# KELAB PNM

# BARISAN AHLI **JAWATANKUASA EKSEKUTIF KELAB PNM 2021/2023**




Yang DiPertua
**ANIS BINTI MAT SAAD**

Naib Yang DiPertua
**MOHAMAD SHARIZAL BIN OMAR**

Bendahari Kehormat
**MUHAMMAD HISYAMUDDIN BIN MOHAMMED NOOR**

Naib Bendahari Kehormat
**ROKIAH BINTI KASSIM**

Setiausaha Kehormat
**JUNAIDAH BINTI ROSLIY**

Naib Setiausaha Kehormat
**RABIAH BINTI MOHD ALI**

Pengerusi Biro Keahlian
**AZFARADILA BINTI ZAINAL ABIDIN**

Pengerusi Biro Kebajikan
**SOFIA BINTI OSMAN**

Pengerusi Biro Ekonomi
**UMMI SYARNI BINTI RIFAIE**

Pengerusi Biro Sosial dan Kebudayaan
**NOOR HAZWANI BINTI WARMAL**

Pengerusi Biro Agama
**MOHAMMAD HAFAZAH BIN MOHD AZRAAI**

Pengerusi Biro Sukan
**MOHD SHOKRY BIN ABD RAHMAN**

Juruaudit I
**NORSYAZA LIYANA BINTI BUNYY LINOBY**

Juruaudit II
**DR. ADAM ZULKARNAIN BIN SALENG**

# PROGRAM /**AKTIVITI KELAB PNM**

Sepanjang tahun 2021, Kelab PNM telah mengadakan pelbagai aktiviti sama ada secara fizikal atau maya bagi mengeratkan hubungan dalam kalangan warga PNM. Jumlah keseluruhan program/ akitiviti Kelab PNM bagi tahun 2021 adalah sebanyak 39 program yang diadakan secara bersiri. Jumlah program mengikut biro adalah seperti berikut:

### Aktiviti Biro Keahlian dan Seranta

| BIL. | TARIKH | Aktiviti |
|---|---|---|
| 1. | Mac- Disember 2021 | Pendaftaran keahlian kelab PNM |
| 2. | Mac 2021- Januari 2022 | Hebahan Bulan Kelahiran |
| 3. | Mei 2021 | Membantu Biro Kebudayaan dan Sosial PNM dalam Pertandingan Teka Wajah |
| 4. | Mac 2021- Januari 2022 | Hebahan Sambutan Perayaan |
| 5. | Mac- Disember 2021 | Hebahan Persaraan Kakitangan PNM |
| 6. | Mac- Ogos 2021 | Pemberian hadiah hari lahir kepada ahli Kelab PNM |
| 7. | Ogos- Disember 2021 | Pemberian hadiah hari lahir kepada ahli Kelab PNM |

### Aktiviti Biro Kebajikan

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 23 Mac 2021 | Kutipan Derma Kilat Puan Syarifah Azmirina Syed Baniamin (BGLM) |
| 2. | 24 Mac 2021 | Tabung Peduli PNM Dilancarkan |
| 3. | 12 April 2021 | Program Derma Darah Bil.1 |
| 4. | 23 April 2021 | Sumbangan Ihya Ramadan Kepada Anak Yatim/Asnaf |
| 5. | 6 Mei 2021 | Program Semarak Iqra' - Sumbangan Anak Yatim |
| 6. | 6 Disember 2021 | Program Derma Darah Bil.2 |
| 7. | 18 Disember 2021 | Misi Bantuan Banji |
| 8. | 21, 19 Julai 2021 & 8 Disember 2021 | Sumbangan Gerobok Rezeki PNM |
| 9. | Sepanjang tahun | Sumbangan kebajikan sakit, kematian serta musibah bencana |

### Aktiviti Biro Ekonomi

| BIL | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 1,8,15 & 22. Disember 2021 | Jualan Pasar Rabu@PNM |
| 2. | 3 Jun 2021 & 1 Oktober 2021 | Jualan Kemeja Baju Korporat |
| 3. | April – Mei 2021 | Jualan Sampul Raya Kelab PNM |

### Aktiviti Biro Sosial dan kebudayaan

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 29 April 2021 | Kuiz ‘Milik Siapakah Wajah Ini’ (10 wajah ahli Kelab PNM) |
| 2. | 21 Ogos 2021 | Program #SenangCode (Pengaturcaraan Game) |
| 3. | 4 September 2021 | Program Bual Bicara Bersama YBhg. Dato’ Wan Ahmad bin Arshad, Purbawan Malaysia |
| 4. | 18 September 2021 | Program #SenangCode (Pengaturcaraan Game) |

### Aktiviti Biro Agama

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 20 April 2021 | Ceramah 1 ‘’Rebut 5 Sebelum 5’’ oleh Ustaz Mohamad Safwan Syafiq |
| 2. | 28 April 2021 | Ceramah 2 ‘’Al-Quran dan Kita’’ oleh Ustaz Nabil Ahmad |
| 3. | 4-6. Mei 2021 | Kaunter Zakat Fitrah |
| 4. | 6 Mei 2021 | Program Semarak Iqra - Bacaan Al-Quran, Santapan Rohani, Sesi Tadabur dan Tadarus Al-Quran |
| 5. | 16 Julai 2021 | Bacaan Surah Yasin dan Doa Selamat bagi Kesejahteraan Warga dan Ceramah Rawatan Islam ‘’Bahana Sihir : Sihir Ribat dan Tafriq Siri-1 |
| 6. | Setiap hari Jumaat | Bacaan Yassin/Tahlil/Doa Selamat |

### Aktiviti Biro Sukan

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 21 Jun 2021 | Senamrobik Maya |
| 2. | 24 Julai 2021 | Senamrobik Maya |
| 3. | 25 September 2021 | Senamrobik Maya |






TH KOMUNITI
BDM 3500 KG
BTM 2960 KG





# PENERBITAN PNM

# TERBITAN **BERCETAK**











Warkah manuskrip melayu
ورقه مانوسکريڤ ملايو
BIL.2/2021 ● JULAI - DISEMBER 2021 ● ISSN 0128-6897

**Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021**

**SEKSOLOGI: ILMU PERKASIHAN MELAYU**

15 Jun 2021 - Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021 bertajuk *Seksologi : Ilmu Perkasihan Melayu* telah diadakan secara dalam talian. Penceramah yang diundang adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Encik Naseer bin Sobree, Pengerusi Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN). Wacana ini dianjurkan bertujuan membincangkan kepentingan Manuskrip Melayu dalam pembangunan sosio budaya masyarakat serta menyebarluas dapatan kajian dan penyelidikan serta membina jaringan kerjasama antara PNM dengan institusi serta penyelidik.

*Poster Wacana Manuskrip Melayu Bil. 2/2021 Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu.*

Menerusi wacana ini, kupasan mengenai ilmu perkasihan Melayu telah dibentangkan secara mendalam oleh penceramah. Antara intipati yang disentuh adalah berkenaan dengan tumbuh-tumbuhan tempatan yang digunakan dalam rawatan tradisional Melayu bagi meningkatkan kesihatan seksologi individu. Selain itu, turut dibincangkan nama dan jenis penyakit berkaitan kelamin lelaki dan wanita serta kaedah merawatnya berpandukan ilmu yang telah dirakam di dalam manuskrip Melayu ratusan tahun yang silam. Wacana yang dilaksanakan secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta yang terdiri daripada para penyelidik, pelajar, pensyarah universiti, kakitangan awam dan swasta serta orang awam dengan 4243 jumlah tontonan keseluruhan.

*Wacana Manuskrip Melayu Bil.2/2021 secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel.*






# TERBITAN
# DALAM TALIAN






























# KERATAN AKHBAR

# AKHBAR ***ONLINE***

BERNAMA.COM
Get It Right

## Pustakawan Malaysia pergiat sumbangan buku di kiosk buku sedia ada



Naib Presiden I Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Siti Sumaizan Ramli (dua, kanan) bersama Pengurus Maklumat, Pusat Maklumat dan Perpustakaan Bernama Hasnita Ibrahim (dua, kiri), Pustakawan Kanan Perpustakaan Kuala Lumpur merangkap Ahli Jawatankuasa Sekretariat Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020 Anita Mohd Jali (kiri) dan Penolong Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaysia (UM) Shamsiah Abu Bakar (kanan) bergambar sebelum menyumbangkan buku-buku di kios Heritage Trail sempena KLWBC 2020.

05/01/2021 05:09 PM

KUALA LUMPUR, 5 Jan -- Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) hari ini menyampaikan sumbangan sebanyak 116 buah buku kepada tiga kiosk buku terpilih dalam usaha menggalakkan aktiviti pembacaan dalam kalangan masyarakat melalui kempen yang bermula pada 23 April tahun lepas.

## Pinjaman bahan bacaan digital meningkat dua kali ganda tahun 2020-nancy

Malaysia-China Insight



...A LUMPUR, 22 April — Statistik peminjaman bahan-bahan bacaan ...a digital pada 2020 telah menunjukkan peningkatan lebih dua kali ... iaitu sebanyak 367,306 peminjaman berbanding 167,374 ...jaman pada 2019, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk ... Shukri.

...berkata ini berikutan kempen 'Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku' yang dianjurkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lepas.

myMetro

## Ramai membaca secara digital



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Statistik peminjaman bahan bacaan secara digital pada 2020 menunjukkan peningkatan lebih dua kali ganda iaitu sebanyak 367,306 peminjaman berbanding 167,374 peminjaman pada 2019, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Nancy Shukri.
Beliau berkata, ini berikutan kempen 'Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku' yang dianjurkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu.
Nancy berkata, kempen itu meredakan kegelisahan awam dan menyediakan idea kepada masyarakat untuk mengisi waktu di rumah sepanjang PKP dengan melayari

astro AWANI

## Perkhidmatan Perpustakaan Negara ditutup sepanjang PKP

Bernama
Januari 12, 2021 16:10 MYT




Orang awam masih boleh mendapatkan 52.9 juta bahan bacaan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka dengan melayari www.u-pustaka.gov.my. - Gambar fail

**KUALA LUMPUR:** Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ditutup kepada pengunjung mulai esok hingga 26 Jan depan.

Ketua Pengarah PNM Maizan Ismail berkata penutupan itu seiring pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah, bermula esok sehingga 26 Jan.

Bagaimanapun katanya orang awam masih boleh mendapatkan 52.9 juta bahan bacaan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka dengan melayari www.u-pustaka.gov.my.

BH ONLINE

## Literasi maklumat bukan sekadar salin, tampal

Oleh Dr Muhamad Saufi Che Rusuli - Januari 29, 2021 @ 2:57pm



Gambar hiasan. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 dan bencana banjir bukan sahaja menyebabkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara konvensional tertangguh, bahkan menjadikan tugasan tenaga pengajar semakin mencabar.

Ini kerana pengajar perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan kebiasaan baharu yang memerlukan proses ini dilaksanakan secara dalam talian.

Jika dahulu peranti telekomunikasi seperti telefon pintar dilarang dibawa ke sekolah, kini pelajar perlu mahir bukan sekadar penggunaan telefon pintar sahaja , bahkan aplikasi perlu dikuasai dalam pendidikan maya di rumah.

Justeru, ia membawa kepada persoalan apakah itu literasi maklumat? Panduan literasi media dan maklumat dikeluarkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

BERNAMA.com

## Perkhidmatan Perpustakaan Negara dibuka semula Selasa ini




04/03/2021 07:53 PM

KUALA LUMPUR, 4 Mac -- Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) termasuk Perpustakaan Komuniti dibuka semula kepada pengunjung bermula Selasa depan (9 Mac).

Perkhidmatan berkenaan akan beroperasi dari 10 pagi hingga 5 petang pada Selasa hingga Sabtu.

Sinar Harian

## Yang bingit dalam kesunyian

NORDEN MOHAMED | | 31 Mac 2021

APABILA kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, rakyat terkurung di rumah. Hiburan rekreasi yang ada hanyalah menonton televisyen, mendengar radio dan menghadap komputer.

Kebosanan mudah melanda apabila dalam keadaan terkurung. Golongan peminat buku juga tidak terkecuali. Membaca adalah suatu tabiat.

Apabila tidak boleh ke perpustakaan atau ke toko-toko buku, mereka mendapatkannya melalui carian di internet. Ramai yang meminjam buku digital dari Perpustakaan Negara Malaysia. Peningkatan ini amat luar biasa.

Menurut Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan PNM, Aidatul Hasnida Abdul Rani, hampir 40,000 buku digital dipinjam pada Mac 2020, berbanding purata kira-kira 15,000 pada bulan biasa. Pendaftaran keahlian baharu iaitu pada bulan pertama PKP mencecah 22,982 ahli.

Kedai-kedai yang mempunyai laman web mendapati jualan buku-buku secara online telah meningkat secara mendadak. Syarikat Xentral Methods, entiti yang mengendalikan e-Sentral.com iaitu syarikat e-buku terbesar di Malaysia mendapati jualan e-bukunya meningkat tiga kali ganda sejak PKP bermula.

Syarikat gergasi Big Bad Wolf yang mengadakan jualan buku secara maya pada November 2020 mendapati lamannya crash beberapa kali berikutan sambutan luar biasa peminat buku.

Faktor perkhidmatan penghantaran yang semakin canggih menjadikan pembaca buku tidak kekok untuk memesan buku secara online.

Sinar Harian

Yang bingit dalam kesunyian

NORDEN MOHAMED | | 31 Mac 2021

APABILA kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, rakyat terkurung di rumah. Hiburan rekreasi yang ada hanyalah menonton televisyen, mendengar radio dan menghadap komputer.

Kebosanan mudah melanda apabila dalam keadaan terkurung. Golongan peminat buku juga tidak terkecuali. Membaca adalah suatu tabiat.

Apabila tidak boleh ke perpustakaan atau ke toko-toko buku, mereka mendapatkannya melalui carian di internet. Ramai yang meminjam buku digital dari Perpustakaan Negara Malaysia. Peningkatan ini amat luar biasa.

Menurut Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan PNM, Aidatul Hasnida Abdul Rani, hampir 40,000 buku digital dipinjam pada Mac 2020, berbanding purata kira-kira 15,000 pada bulan biasa. Pendaftaran keahlian baharu iaitu pada bulan pertama PKP mencecah 22,982 ahli.

Kedai-kedai yang mempunyai laman web mendapati jualan buku-buku secara online telah meningkat secara mendadak. Syarikat Xentral Methods, entiti yang mengendalikan e-Sentral.com iaitu syarikat e-buku terbesar di Malaysia mendapati jualan e-bukunya meningkat tiga kali ganda sejak PKP bermula.

Syarikat gergasi Big Bad Wolf yang mengadakan jualan buku secara maya pada November 2020 mendapati lamannya crash beberapa kali berikutan sambutan luar biasa peminat buku.

Faktor perkhidmatan penghantaran yang semakin canggih menjadikan pembaca buku tidak kekok untuk memesan buku secara online.

BH ONLINE

## Membaca lahir generasi unggul

Dr Norshah Aizat Shuaib - April 5, 2021 @ 11:01am
bhrencana@bh.com.my



- Gambar hiasan/Ramdzan Masiam

Pada 2019, laman web Picodi melaporkan sekitar 76 peratus rakyat Malaysia membeli sekurang-kurangnya sebuah buku setahun. Angka ini sedikit rendah berbanding Turki dan Russia.
Sumber sama mendedahkan 22 peratus rakyat Malaysia tidak banyak membaca atau tidak berminat dengan buku. Secara perbandingan, tabiat membaca rakyat Malaysia masih boleh dipertingkatkan.
Antara kemungkinan mengapa tabiat membaca sukar dipupuk adalah ketagihan terhadap peranti elektronik. Masa lapang pelajar sering dipenuhi dengan menonton video, melayari media sosial dan permainan maya.
Membaca turut dilihat membebankan, lalu cuba dielakkan sesetengah pelajar. Stigma sebegini harus diatasi. Pelajar harus sedar kepentingan membaca dalam membangunkan keperibadian unggul, selain membentuk pemikiran dan intelektual pelajar secara lebih menyeluruh.
DISYORKAN UNTUK ANDA

BH ONLINE

## Penerbitan karya langka pertahan khazanah ilmu




Kita bertuah kerana terdapat karya besar pernah diterbitkan di negara ini dalam pelbagai disiplin ilmu. Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) masih giat menerbitkan semula karya besar dan langka untuk manfaat masyarakat.

Antaranya, Bloomsbury dan Routledge giat menerbitkan semula karya ahli falsafah kontemporari, Prof Alasdair MacIntyre seperti A Short History of Ethics (1967) dan After Virtue (1981).

malaysiakini

## Simpang Renggam membaca

Sewaktu perbahasan usul perbekalan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 Disember 2020, saya telah membawakan isu berkaitan 'Lost Generation' ataupun generasi tersisih di kalangan murid-murid sekolah akibat dampak pandemik Covid-19. Dampak pandemik global ini akan berkesan lama dan bertingkat-tingkat, seperti dilaporkan oleh WHO, Unesco dan World Bank.

Jika kita kecilkan skop *lost generation* dalam konteks Malaysia, kita boleh anggarkan sekurang-kurangnya hampir satu juta murid bakal terkesan serta tersisih dari progres pendidikan semasa khususnya murid pra-sekolah, murid tahun 1 dan 2. Anak-anak di prasekolah tahun 2020 akan naik ke darjah satu, manakala anak-anak darjah satu tahun 2020 akan naik ke darjah dua pada tahun 2021. Anak-anak ini sedang bergelut dengan beberapa kemahiran asas seperti membaca, bertutur dan menulis.

Ketiadaan PdP secara normal selama hampir setahun hakikatnya telah membantutkan proses pendidikan ini. Akibatnya, majoriti dari mereka masih lagi ramai yang tidak mampu membaca, menulis dan mengira seperti mana yang sepatutnya pada tahap umur pembelajaran mereka. Amat malang apabila tidak kelihatan usaha serius KPM untuk berhadapan dengan isu ini secara kolektif dan tuntas serta holistik selain dari melakukan PdPR seperti biasa. Lebih menyedihkan apabila sehingga kini, masih tidak ada satu pun jawapan yang jelas dan tuntas tentang *master plan* KPM untuk menyelamatkan *lost generation* ini.

BH ONLINE

## Penerbitan karya ilmu mampu martabat bahasa Melayu

Februari 24, 2021 @ 10:45am




21 Februari diraikan sebagai Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa.

TANGGAL 21 Februari diraikan sebagai Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa deng perbincangan mengenai nasib dan kedudukan bahasa ibunda di negara masing-masing untuk kekal relevan digunakan penuturnya.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda utama negara, tidak terlepas daripada perbincangan penting ini.

Kemajuan sains dan teknologi, keikhlasan serta kesungguhan pemimpin dan b antara cabaran utama mempengaruhi kedudukan bahasa Melayu. Hatta, antar usaha terdepan wajar diberi perhatian ialah penerbitan buku berkualiti dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk agama, falsafah, bahasa dan sumber manusia bahasa Melayu.

Ia penting bagi memastikan kedudukan bahasa ini kekal relevan sebagai me perbincangan ilmiah terutama pada peringkat universiti. Tulisan ini cuba me

BH ONLINE

## Pembukaan perpustakaan legakan pengguna

Mac 24, 2021@ 11:22am




PEMBUKAAN semula perkhidmatan perpustakaan amat dialu-alukan khususnya bagi penyelidik, pelajar universiti dan profesional.
Peranan perpustakaan amat penting dalam pembinaan budaya ilmu. Institusi ini tempat berhimpun golongan terpelajar mendapatkan bahan rujukan ilmiah untuk bacaan serius dan rujukan dalam penyelidikan.
Memang benar, zaman digital membuka peluang kepada pengkaji mendapatkan bahan rujukan secara maya. Namun, tidak semua rujukan ilmiah boleh didapati seperti majalah, jurnal ilmiah, prosiding seminar dan buku berstatus langka.
Bahan ini hanya boleh didapati di perpustakaan utama negara. Maka, apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, ia mengehadkan pengunjung daripada ke perpustakaan, sekali gus menyukarkan mereka untuk mencapai sumber rujukan sebegini.

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232, Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur,
Malaysia.

T: 03 2687 1700
F: 03 2694 2490

www.pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi